



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

**PANDUAN PENGAJIAN
IJAZAH SARJANA MUDA**

SESI AKADEMIK 2025/2026

FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI

CETAKAN PERTAMA 2025
Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara,
tiada mana-mana bahagian daripada buku ini
boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau
ditukar kepada apa-apa bentuk dengan apa juga
cara melainkan mendapat izin bertulis
daripada USIM.

Diterbitkan oleh:

Universiti Sains Islam Malaysia
71800 Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus

Semua maklumat yang terkandung di dalam e-panduan tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

ISI KANDUNGAN

Moto, Falsafah, Visi & Misi	5
Aluan Naib Canselor.....	6
Aluan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	7
Aluan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)	8
Aluan Pengarah Pusat Pengurusan Akademik	9
Aluan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi.....	10
PENGENALAN	11
PENTADBIRAN	13
JAWATANKUASA PENGURUSAN.....	16
SENAT.....	17
Pentadbiran Fakulti Sains dan Teknologi	14
Kakitangan Akademik Fakulti Sains dan Teknologi.....	23
Kakitangan Pentadbiran	29
Kakitangan Makmal dan Teknikal.....	30
TAKWIM AKADEMIK SARJANA MUDA	31
Latar Belakang Fakulti.....	33
PROGRAM SARJANA MUDA SAINS DENGAN KEPUJIAN (BIOTEKNOLOGI MAKANAN).....	36
Latar belakang	37
Objektif Pembelajaran Program (PEO).....	37
Hasil Pembelajaran Program (PLO)	38
Struktur Program.....	39
Sinopsis Kursus dan Rujukan	43
PROGRAM SARJANA MUDA SAINS DENGAN KEPUJIAN (SAINS AKTUARI DAN PENGURUSAN RISIKO)	58
Latar belakang	59
Objektif Pembelajaran Program (PEO).....	59
Hasil Pembelajaran Program (PLO)	60
Struktur Program.....	61
Sinopsis Kursus dan Rujukan	64
PROGRAM SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER DENGAN KEPUJIAN (KESELAMATAN DAN JAMINAN MAKLUMAT).....	76
Latar belakang	77
Objektif Pembelajaran Program (PEO).....	77
Hasil Pembelajaran Program (PLO)	78
Struktur Program.....	79
Sinopsis Kursus dan Rujukan	83
PROGRAM SARJANA MUDA SAINS DENGAN KEPUJIAN (MATEMATIK KEWANGAN).....	97
Latar belakang	98
Objektif Pembelajaran Program (PEO).....	98
Hasil Pembelajaran Program (PLO)	99
Struktur Program.....	100
Sinopsis Kursus dan Rujukan	103
PROGRAM SARJANA MUDA SAINS DENGAN KEPUJIAN (FIZIK GUNAAN)	115

Latar belakang	116
Objektif Pembelajaran Program (PEO).....	116
Hasil Pembelajaran Program (PLO)	117
Struktur Program.....	118
Sinopsis Kursus dan Rujukan	122
PROGRAM SARJANA MUDA SAINS DENGAN KEPUJIAN (TEKNOLOGI KIMIA INDUSTRI).....	137
Latar belakang	138
Objektif Pembelajaran Program (PEO).....	138
Hasil Pembelajaran Program (PLO)	139
Struktur Program.....	140
Sinopsis Kursus dan Rujukan	144
PROGRAM SARJANA MUDA TEKNOLOGI INDUSTRI KESIHATAN DENGAN KEPUJIAN	164
Latar belakang	165
Objektif Pembelajaran Program (PEO).....	165
Hasil Pembelajaran Program (PLO)	166
Struktur Program.....	167
Sinopsis Kursus dan Rujukan	170

Moto, Falsafah, Visi & Misi
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Moto
Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa.

Falsafah
Paduan antara Ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama untuk membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu.

Visi
Institusi Pendidikan tinggi Sains Islam Ulung.

Misi
Menghasilkan ilmuan, pemimpin dan profesional yang kompeten berasaskan tradisi keilmuan Islam, nilai-nilai luhur agama dan budaya demi kesejahteraan sejagat.

Definisi Sains Islam
Ilmu yang berpaksikan Epistemologi Tauhidik demi manfaat sejagat.

Nilai-nilai Teras
Al-Qawiyy Al-Amin (Amanah, Muafakat, Profesional, Efisien dan Global – Alamiyyah)



Aluan Naib Canselor

Bismillahirrahmannirahim

Assalamu'alaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh dan Salam Sejahtera



Selamat datang ke Kampus Barakah ; Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) - *Ahlan wa Sahlan wa Marhaban Bikum*. Sekalung tahniah dan syabas dirakamkan atas kejayaan semua pelajar yang terpilih mengikuti program pengajian di USIM bagi kemasukan Sesi Akademik 2025/2026. Diharapkan dengan kejayaan sedia ada ini, saudara-saudari akan lebih giat lagi berusaha untuk terus menempa kejayaan seterusnya.

Allah SWT telah berfirman di dalam surah Al-Mujadalah ayat 11 yang bermaksud “ Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat”. Ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa adalah menjadi kewajipan bagi setiap orang Islam menuntut ilmu kerana orang yang mempunyai ilmu mendapat kehormatan di sisi

Allah SWT dan Rasulullah SAW.

Islam sebagai agama yang suci dan mulia sememangnya memartabatkan ilmu pengetahuan dan mengangkat darjat orang yang berilmu. Justeru, saya ingin menyeru supaya para pelajar semua menggunakan peluang keemasan yang ada ini dengan menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan untuk membina kecemerlangan di samping menggilap kemahiran tanpa mengenal erti jemu.

Paduan antara Ilmu Naqli (*Revealed Knowledge*) dan Ilmu Aqli (*Human Knowledge*) serta budi pekerti yang mulia pastinya menjadi teras utama dalam membentuk generasi cemerlang dan gemilang pada masa akan datang yang digambarkan sebagai golongan al-Abrar iaitu mereka yang suka berbakti dan suka melakukan kebajikan serta bermanfaat kepada orang ramai.

Hadis riwayat Ibn Hibban, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sebaik-baik manusia adalah orang paling bermanfaat bagi orang lain”

USIM berhasrat untuk memperkasakan agenda “USIM Cemerlang, USIM Disayang”. Justeru, saya menyeru agar saudara-saudari sekalian menerima peluang belajar di universiti ini sebagai suatu amanah, malah merupakan suatu kepercayaan ummah yang harus dipikul serta dipelihara untuk merealisasikan visi, misi dan objektif USIM. Timbalah ilmu sebanyak mungkin dan amalkannya untuk manfaat umat sejagat kerana ilmu tanpa diamalkan laksana pohon tanpa buah.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat,

PROFESOR DATO' TS DR. SHARIFUDIN MD SHAARANI

Naib Canselor

Aluan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Bismillahirrahmannirahim

Assalamu'alaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh dan Salam Sejahtera



Selamat datang ke Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) - *Ahlan wa Sahlan wa Marhaban Bikum.*

Saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada semua pelajar yang terpilih mengikuti program Sarjana Muda di USIM bagi kemasukan Sesi Akademik 2025/2026. Semoga kehadiran saudara dan saudari akan menambah keberkatan kepada Kampus Barakah USIM.

USIM menawarkan mod pengajian yang fleksibel melalui pembelajaran teradun yang boleh diakses oleh pelajar, terutamanya dengan penggunaan ePembelajaran dan pembelajaran secara bersemuka. USIM berusaha untuk menambah baik kaedah pembelajaran dan pengajaran selaras dengan teknologi pendidikan terkini bagi memantapkan keupayaan pelajar mendalami ilmu mengikut peredaran masa.

Penggunaan media sosial dan kecerdasan buatan (AI) merupakan satu keperluan dalam kalangan pelajar masa kini. Para pelajar diharap dapat mengambil peluang bagi meneroka ilmu baharu dan meningkatkan potensi diri menerusi penggunaan media sosial dan AI ini. Pelajar juga dinasihatkan supaya dapat menggunakan platform ini dengan berhemah serta mengikut batasan agama dan peraturan yang ditetapkan tanpa mengabaikan adab dan kesopanan.

Akhir kalam, saya berharap agar semua mahasiswa/i dapat belajar dengan bersungguh-sungguh dan mengambil peluang untuk meningkatkan potensi diri dalam kemahiran insaniah seperti kepimpinan dan pengurusan melalui penyertaan dalam aktiviti berpersatuan, sukan dan aktiviti ko-kurikulum yang lain.

Selamat maju jaya dan semoga kejayaan mengiringi anda.

Sekian,

PROFESOR DATO' DR. NIK SALIDA SUHAILA NIK SALEH

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Aluan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Bismillahirrahmannirahim

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,



Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah SWT, Tuhan Yang Mengajarkan insan dengan Qalam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW rasul akhir zaman.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh siswa siswi baharu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), kerana telah berjaya mendaftarkan diri mengikut program pengajian pilihan masing-masing. Sesungguhnya warga USIM amat berbangga dengan kehadiran anda semua bagi menambahkan lagi kemeriahan dan keceriaan Kampus Barakah ini, sebagai sebuah mercu ilmu, gedung pengetahuan dan gelanggang mengasah bakat serta menggilap potensi diri.

Sebagai sebuah Universiti yang bertekad untuk melahirkan para pewaris kemajuan bangsa, kegemilangan negara dan ketamadunan ummah, USIM menyediakan berbagai program yang memenuhi keperluan pembinaan jati diri, serta profesionalisme para siswa dan siswinya, mengikut acuan berteraskan falsafah, visi, misi dan matlamat penubuhannya. Selain reka bentuk formal kurikulum pengajian yang memenuhi semua standard dan kawalan jaminan kualiti yang ditetapkan, USIM turut menyediakan persekitaran yang kondusif bagi memberi ruang kepada anda semua untuk terlibat secara langsung dalam aktiviti kemahasiswaan, merentas bidang tujahan mengikut minat masing-masing, sama ada dalam kategori sukan, kebudayaan, kepimpinan, kesukarelawanan, kenegaraan, keintelektualan dan lain-lain. USIM komited untuk memastikan kemudahan fizikal, kepakaran dan kesejahteraan siswa siswinya sentiasa berada pada tahap terbaik bagi memastikan segala matlamat pengajian, pendidikan dan pembentukan modal insan mereka dapat dicapai dengan jaya.

Justeru, saya menyeru kepada semua anak-anak siswa siswi USIM yang dikasihi sekalian, agar mengambil peluang daripada persekitaran barakah yang tersedia ini, untuk menelusuri sepenuhnya laluan yang terbentang dan mencipta sendiri pengalaman pembelajaran yang terbaik dalam membina kapasiti diri dan merealisasikan impian yang dicita.

Tahniah serta syabas diucapkan sekali lagi dan didoakan semoga acuan integrasi ilmu naqli dan aqli USIM akan menjadikan anda semua insan terbaik, ibarat sebiji mutiara dicampak ke darat menjadi gunung, dilempar ke laut menjadi pulau, dibaling ke udara menjadi kejora!

Salam hormat dan Selamat Maju Jaya!

PROFESOR MADYA DR. MUSHADDAD HASBULLAH
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Aluan Pengarah Pusat Pengurusan Akademik

Bismillahirrahmannirahim

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,



Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izinNya, para pelajar telah berjaya melangkah ke satu fasa penting dalam kehidupan dengan menjejakkan kaki ke menara ilmu di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan atas kejayaan anda diterima masuk ke USIM yang merupakan sebuah institusi yang unik dan unggul dalam landskap pendidikan tinggi negara.

USIM ditubuhkan dengan visi yang jelas, untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga berakhlak mulia, berintegriti dan mampu menyumbang kepada pembangunan ummah dan negara. Di USIM, pendekatan integrasi ilmu naqli dan aqli (INAQ) diangkat sebagai teras pendidikan. Ini bermakna, para pelajar akan dididik bukan sahaja dengan ilmu moden dan profesional, tetapi juga dengan kefahaman Islam yang mendalam, menjadikan anda insan yang seimbang dari segi intelek, spiritual dan sosial.

Pendidikan di USIM bukan sekadar proses pengajaran dan pembelajaran, tetapi satu perjalanan pembentukan jati diri. Para pelajar akan melalui pengalaman yang akan memperkaya ilmu, memperkukuh nilai, dan memperluas pandangan. Ilmu yang digabungkan dengan nilai-nilai Islam akan melahirkan graduan yang mampu menjadi pemimpin, pencetus perubahan dan agen kebaikan dalam masyarakat.

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Tinggi telah menyediakan pelbagai peluang dan sokongan untuk memastikan pendidikan tinggi dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. USIM menyahut seruan ini dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang inklusif, dinamik dan berdaya saing. Pendidikan juga akan menentukan kemampuan Negara bersaing di peringkat global. Oleh kerana itu, kita perlu menyediakan landasan yang kukuh bagi memastikan pendidikan dinikmati oleh keseluruhan rakyat Malaysia agar mereka menjadi warga yang benar-benar berkemampuan dan bersedia menyumbang kepada kejayaan negara. Pelaburan yang besar, telah disediakan oleh kerajaan dalam sektor pendidikan dan diharapkan akan membuahkan hasil yang mampu melonjakkan Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

Saya menyeru semua pelajar baharu USIM agar memanfaatkan sepenuhnya peluang yang tersedia. Libatkan diri dalam aktiviti akademik dan kokurikulum, bina jaringan persahabatan yang sihat, dan sentiasa berusaha untuk menjadi insan yang berilmu, berdisiplin dan bertakwa, selaras dengan moto USIM.

Akhir kata, saya dan seluruh warga USIM mengalu-alukan kehadiran anda ke kampus ini. Semoga perjalanan anda di USIM akan menjadi titik tolak kepada kejayaan yang gemilang, bukan sahaja untuk diri sendiri, tetapi juga untuk keluarga, masyarakat dan negara.

Selamat Datang ke USIM. Selamat Maju Jaya.

BERILMU, BERDISIPLIN DAN BERTAKWA

PROFESOR DR. NOOR FADZILAH ZULKIFLI

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik

Aluan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi

Bismillahirrahmannirahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabakaratu dan Salam Hormat,



Segala puji bagi Allah atas limpah rahmat dan kurnia-Nya, Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menjadi pilihan saudara dan saudari semua sebagai destinasi pengajian di peringkat Sarjana Muda. Kami amat berbangga dan berbesar hati menerima kedatangan saudara dan saudari sebagai pelajar baharu bagi sesi akademik 2025/2026.

Bagi pihak FST, saya merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah di atas kejayaan saudara dan saudari melanjutkan pelajaran ke menara gading dan menjadi sebahagian daripada warga FST. Kami berharap semua mahasiswa akan dapat mengikuti pengajian dengan lancar sempurna dan sentiasa menjadi kebanggaan FST.

FST USIM disokong oleh barisan akademik yang berpengalaman luas dalam bidang tujahan masing-masing dan berdedikasi tinggi dalam membimbing dan menyampaikan ilmu, baik di dalam mahupun di luar kuliah formal. Pembelajaran di FST memberi penekanan kepada aspek teori dan praktikal yang seimbang dengan disokong oleh kemudahan pengajaran dan pembelajaran seperti makmal yang dilengkapi peralatan-peralatan berteknologi tinggi. Pendekatan ini bertujuan melahirkan graduan yang kompeten, berdaya saing dan memenuhi keperluan pasaran semasa.

Saya berharap penerbitan e-Panduan ini akan menjadi sumber rujukan utama kepada mahasiswa FST untuk mendapatkan maklumat menyeluruh dan komprehensif mengenai USIM umumnya, serta hal-hal berkaitan FST, program dan kursus yang ditawarkan, sinopsis kursus serta peraturan pengajian. juga Panduan ini turut menyediakan maklumat penting yang dapat membantu mahasiswa dalam mengurus perjalanan akademik dan kehidupan kampus secara lebih teratur dan seimbang.

Akhir kata, semoga e-Panduan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan berperanan sebagai medium penyebaran maklumat yang berkesan.

Wassalam.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR MADYA. DR. MOHD ZALISHAM BIN JALI

Dekan Fakulti Sains dan Teknologi

SEJARAH PENUBUHAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

PENGENALAN

Latar Belakang dan Sejarah

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang telah diluluskan penubuhannya dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Jun 1997 dan diwartakan pada 13 Mac 1998. Ia merupakan sebuah Universiti Islam Malaysia yang pertama ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia dan merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-12 di Negara ini.

Tujuan penubuhan USIM ialah untuk memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan Negara dan menekankan penggunaan ICT dalam sistem pengajaran dan penyelidikannya. USIM menumpukan penguasaan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris di samping Bahasa Melayu.

USIM beroperasi di Kampus tetapnya di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus. Sementara itu, Fakulti Pergigian masih beroperasi di Kampus Cawangan Pandan Indah, Kuala Lumpur. Hospital yang digunakan untuk tujuan pembelajaran oleh Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan adalah Hospital Ampang, Hospital Temerloh, Hospital Tampin, Hospital Jelebu dan Hospital Port Dickson.



Kampus USIM di Nilai terletak kira 10 minit dari KLIA dan 20-30 minit ke Putrajaya dan Kuala Lumpur.

USIM kini mempunyai 9 buah fakulti sebagaimana berikut:

- Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
- Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
- Fakulti Syariah dan Undang-Undang
- Fakulti Ekonomi dan Muamalat
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- Fakulti Pengajian Bahasa Utama
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

Tujuan

USIM merupakan saluran pertama dan utama bagi lepasan aliran agama dari sekolah-sekolah menengah agama sama ada milik Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan pengajian di peringkat pendidikan tinggi di Malaysia. USIM ditubuhkan dengan matlamat, antaranya:

- Melahirkan ilmunan Islam berpendidikan sedadu di antara teori dan amali, bersifat ensiklopedik dan mampu memimpin masyarakat yang majmuk sifatnya serta mempunyai potensi diri yang tinggi untuk menerajui pembangunan negara.
- Mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul dan mewujudkan persekitaran yang sesuai bagi melahirkan ulama dan intelektual muslim yang mampu memberi kefahaman dan penghayatan Islam.
- Muncul sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, penyelidikan, penerbitan dan kerjasama ilmiah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan dengan keislaman.

Objektif

- Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.
- Membina kesepaduan di antara teori dan amali dalam diri setiap siswazah yang dikeluarkan.
- Melahirkan ilmuan berpendidikan sepadu yang mampu memimpin masyarakat majmuk untuk menerajui pembangunan negara.
- Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang terbilang sesuai dengan persekitaran dan teknologi terkini.
- Membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.

Prospek Masa Hadapan

USIM akan menjadi sebuah universiti yang terkehadapan dalam pendidikan dan keilmuan Islam serta penggunaan ICT dalam bidang kajian dan penyelidikannya. Misinya akan menjadi kenyataan kerana **bersesuaian dengan persekitaran pembinaan kampus tetapnya** di Bandar Baru Nilai.



Program Yang Ditawarkan

Pada Sesi Akademik 2025/2026, USIM akan menawarkan program-program pengajian peringkat sarjana muda sebagaimana berikut:

1. Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

- Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama dengan Kepujian
- Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian
- Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pengurusan dengan Pelancongan (Kepujian)
- Sarjana Muda Pengurusan dengan Pengurusan (kepujian) (Mod 3u1i)

2. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

- Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian [*Kerjasama USIM dengan Darul Quran, JAKIM*]
- Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pengajian Qiraat dengan Kepujian

3. Fakulti Syariah dan Undang-undang

- Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian
- Sarjana Muda Syariah (Industri Halal) dengan Kepujian
- Sarjana Muda Undang-Undang dan Syariah dengan Kepujian

4. Fakulti Ekonomi dan Muamalat

- Sarjana Muda Pemasaran (Perkhidmatan Kewangan) dengan Kepujian
- Sarjana Muda Perbankan dan Kewangan Islam dengan Kepujian
- Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian
- Sarjana Muda Pentadbiran Korporat dengan Kepujian

5. Fakulti Sains dan Teknologi

- Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Matematik Kewangan)
- Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko)
- Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat)
- Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan)
- Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Teknologi Kimia Industri)
- Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Fizik Gunaan)
- Sarjana Muda Teknologi Industri Kesihatan dengan Kepujian

6. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

- Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri

7. Fakulti Pengajian Bahasa dan Utama

- Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Komunikasi (Kepujian)
- Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian
- Sarjana Muda Bahasa Inggeris dengan Perdagangan (Kepujian)
- Sarjana Muda Bahasa Arab dan Kesusasteraan Islam dengan Kepujian

8. Fakulti Pergigian

- Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian

9. Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

- Sarjana Muda Sains Seni Bina dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan dengan Kepujian



**PENTADBIRAN
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

CANSELOR

Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan
Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud
DK (NS), DPTJ

TUNKU PRO-CANSELOR

Yang Amat Mulia Tunku Zain Al-'Abidin ibni Tuanku Muhriz
DKYR, SSTM
MSc in Comparative Politics, BSc Sociology & Government (LSE)

PRO-CANSELOR

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Abdul Wahid Omar
DSAP, SSAP, PSM, SSIS, SSNS
FCCA, ACA, CA(M)

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

PENGERUSI

YBhg. Tan Sri Dr. Nik Norzrul Thani Nik Hassan Thani
DJMK, SMW, PJN, PSM
*LL.B (Hons) (University of Buckingham), LL.M (Queen Mary College, University of London),
DSLIP (IIUM), PhD (SOAS, University of London), Barrister-at-Law (Lincoln's Inn)*

AHLI-AHLI

YBhg. Profesor Dato' Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani
DBNS
PhD (University of Cambridge), Msc (University of Reading), Bsc(Hons)(UKM)

YB Dato' Mohd Zafir Ibrahim
DPNS, DIMP, DNS, KMN, AMN, AAP
*Master of Information Technology (UKM), BA Hons (Islam Studies) (Dakwah & Leadership) UKM,
Dip. INTAN*

YBrs. Dr. Zurina Abdul Hamid
*PhD (Management) (University of Hull), MA (Social Science) UKM,
Bachelor (Shariah)UM, Dip. INTAN*

YBrs. Puan Norhana Abdul Azis
MBA UKM, BBA UIA, DPA INTAN

YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris
DNS, DBNS
B.MedSc (UKM), MD (UKM), MOG (UKM), Cert.Rep.Med (UKM)

YBhg. Dato' Zulkifli Jafar
DSPN, AMW
LL.B (Hons) IIUM

YBhg. Datuk Haji Yahaya Basimin
PJN, PGBK,DSPN
MBA (University of Ashland) Ohio, BEc (Hons) UM, DPA INTAN

YBrs. Puan Norashekin Yusof
KMW,AMW,AMK,
Bachelor of Mass Communication (Hons) (Public Relations) UiTM

YBhg. Datuk Dr. Hasan Bahrom
DMSM,PBB
*PhD (Islamic Political Science) UM, MA (Politic) UM,
Bachelor of Islamic Studies (Shariah) UKM*

YBrs. Encik Mohd Hariri Mohamad Daud
MA (UPM), BA (Hons) USIM, Dip (KUSZA)

Setiausaha

YBhg. Dato' Muhammad Haizuan Rozali
DBNS, KMN, DPT, ANS
SmSa, SSa (UKM)

**JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI (JKPU)
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Naib Canselor

Profesor Dato' Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani (DBNS)
BSc (Hons.) (UKM), M.Sc (University of Reading), PhD (University of Cambridge)

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Profesor Dato' Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh (DBNS, DPT)
LL.B (Hons) IIUM, MCL (IIUM), Ph.D (Keele)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Profesor Madya Dr. Mushaddad Hasbullah
al-'Aliya (Madinah), M.IRKH (IIUM), PhD (IIUM)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Profesor Dato' Dr. Muhammad Tauffik Mohd Noor (DBNS)
BMed Sc (UKM) MD (UKM) MMed (Family Medicine) (UKM)

Pendaftar

Dato' Muhammad Haizuan Rozali
DBNS, KMN, DPT, ANS
SmSa, SSa (UKM)

Bendahari

En. Hezan Shah Zainuddin (DPT)
Diploma in Accountancy (ITM), Bachelor of Accountancy (Hons) (ITM)

Ketua Pustakawan

Datin Nor Azzah Momin
BA (Hons) IIUM, Post Grad. Dip (UiTM), M.Sc (UiTM)

Penasihat Undang-Undang

Dr. Noorfajri Ismail
LL.B (Hons) (UKM), LL.M (UKM), PhD in Law (UM)
Advocate & Solicitor (High Court of Malaya) (Non-Practising)
Accredited Adjudicator (AIAC), Accredited Mediator (MMC)

Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik)

Profesor Ts. Dr. Mohd Ikmar Nizam Hj. Mohamad Isa
P.Tech (Material Technology)
BSc. Hons Computational Physics & Electronics (Malaya), PhD Advanced Materials (Malaya)

Pengarah Pusat Komunikasi Korporat

Profesor Madya Dr. Mohd Faizal Kasmani
Bach. Information Studies (UiTM), Master in Journalism (University of Sheffield, UK),
Ph.D in Political Science (Australian National University)

Pengarah Pusat Kemajuan Profesional dan Pendidikan Berterusan (USIM PACE)

Profesor Madya Dr. Asmaddy Haris (DPT)
BEc, MEc (UUM), PhD (UKM)

Pengarah Pembangunan

Ir. Shahrin Amri Jahari

B.Eng.(Hons.) (Civil) (UiTM), P.Eng (PC) (BEM), ASEAN Eng.

Setiausaha

Ketua Jabatan, Jabatan Canselori

Pn. Wan Nadiyah Wan Jamil (PJK)

B.Hsc. English Language and Literature (IIUM)

**SENAT
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Naib Canselor

Profesor Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani (DBNS)
BSc (Hons.) (UKM), M.Sc (University of Reading), PhD (University of Cambridge)

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Profesor Dato' Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh (DBNS, DPT)
LL.B (Hons) IIUM, MCL (IIUM), Ph.D (Keele)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Profesor Madya Dr. Mushaddad Hasbullah
al-'Aliya (Madinah), MA IRKH (IIUM), PhD (IIUM)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Profesor Dato' Dr. Muhammad Tauffik Mohd Noor (DBNS)
BMed Sc (UKM) MD (UKM) MMed (Family Medicine) (UKM)

Dekan

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Profesor Madya Dr. Mohd. Rushdan Mohd. Jailani
Dip. Arabic (KUSZA), BA Hons (IIUM), MA (ISTAC,IIUM), Ph.D (University of Exeter)

Dekan

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Profesor Madya Dr. Mohd Zohdi Mohd Amin
al-'Aliya (al-Bayt, Jordan), MA (UKM), PhD (Malaya)

Dekan

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Profesor Madya Dr. Abdul Manan Ismail
al-'Aliya (Yarmouk), M.Is (UKM), PhD (IIUM)

Dekan

Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Profesor Madya Dr. Syahidawati Hj. Shahwan
B. IRKH (IIUM), MA (UM), PhD (IIUM)

Dekan

Fakulti Sains dan Teknologi

Profesor Madya Dr. Mohamad Zalisham Jali
DipCompSc (KUSZA), BSchHons (East London), MSc (UiTM) PhD (Plymouth)

Dekan

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Profesor Madya Dr. Razrim Rahim
MBChB (Liverpool), MS(Gen Surg) (UKM)

Dekan

Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Profesor Madya Dr. Zainur Rijal Abdul Razak
Dip. (INSANIAH), BA Hons (al-Azhar), MA (UKM), PhD (Birmingham)

Dekan

Fakulti Pergigian

Dr. Ainuddin Yushar Yusof (DNS)
DDS (UKM), MOrth (UKM)

Dekan

Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

Prof. Madya Dr. Nurul Syala Abdul Latip
Barch (UTM), MBE (Sust Dev) (UNSW), PhD (Univ. of Nottingham)

Dekan

Pusat Tamhidi

Profesor Madya ChM Dr. Juliana Jumal
BScHons (UKM), DipEd (UTM), MSc, PhD (UKM)

Dekan

Pusat Pengajian Teras

Profesor Madya Dr. Zoraida Mustafa
BA (Kanazawa Univ.), MA (Hiroshima Univ.), PhD (Hiroshima Univ.)

Dekan

Institut Sains Islam

Prof. Madya Dr. Norfadhilah Mohamad Ali
LL.B (Hons.) (IIUM), MCL (IIUM), PhD (Dundee)

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik

Prof. Dr. Noor Fadzilah Zulkifli
MD (USM), MPath (Haemato) (UKM), FTBL (DUKE-NUS)

Pengarah

Pusat Jaminan Kualiti

Prof. Madya Dr. Nathasa Mazna Ramli
BAcc (UKM), MBA (IIUM), PhD (La Trobe, Australia), ACMA (UK), CGMA

Pengarah

Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran

Profesor Madya Dr. Siti Salhah Othman
BSc Hons (UPM), PhD (UPM)

Pengarah

Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah

Profesor Madya Dr. Sakinah Ali Pitchay (DPT)
B.IT (UMT), MCompSc. (UTM), PhD (Birmingham University, UK)

Profesor

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Profesor Dato' Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris (DBNS)
B.Med.Sc (UKM), MD (UKM), M.Med (O&G) (UKM)

Profesor
Fakulti Ekonomi dan Muamalat
Profesor Dr. Zurina Shafii
B. Acc UiTM, MSc. (Islamic Finance) Durham University,
PhD (Islamic Finance) Durham University

Profesor
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Profesor Dr. Azman Ab. Rahman (ANS)
al-'Aliya (al-Azhar), M. Is (UKM), PhD (IIUM)

Profesor
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Profesor Dr. Wan Abdul Fattah Wan Ismail
BA Syariah (Yarmouk), MA Syariah (UKM),
Dip. Lanjutan Kehakiman & Guaman Syarie (UKM), PhD Law (IIUM)

Profesor
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Profesor Dr. Irwan Mohd Subri
al-'Aliya (al-Azhar), M Is. (UKM), PhD (IIUM)

Profesor
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Profesor Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif
BA (Hons), MA IRKH (UIAM), PhD IMES (Edinburgh)

Profesor
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Profesor Dr. Rafidah Hanim Mokhtar
MD (UKM), PhD (IIUM)

Profesor
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Profesor Dr. Zairina A. Rahman
MD (UKM), MPH (UM), MPH (Occupational) (UM)

Profesor
Fakulti Sains dan Teknologi
Profesor Dr. Rosalina Abdul Salam
BSc. Hons (Leeds Metropolitan), MSc. (Sheffield), PhD (Hull)

Profesor
Fakulti Sains dan Teknologi
Profesor Ts. Dr. Madihah Mohd Saudi
BSc. (Hons) Comp. Science (UKM), MSc. Software Eng (Malaya), PhD Computer Security (Bradford),
GSEC CERT (SANS Institute, USA), CEH CERT (EC-Council, USA)

Profesor
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
Profesor Ir. Dr. Hafizal Mohamad
B.Eng (Southampton), Ph.D (Southampton)

Pengarah
USIM 'Alamiyyah
Dr. Sofia Hayati Yusoff
BA (Hons) (IIUM), MA (IIUM), PhD (UPM)

Ketua Pegawai Digital
Pejabat Ketua Pegawai Digital
Dr. Syaril Nizam Omar
*Diploma Comp Science (UITM), Bsc System (UTM), Msc Info Security (UTM),
Ph.D Info Hiding (UTM), HCIA Network (Huawei) HCIA Storage (Huawei),
ISMS Auditor (Global Ace), CCNA (Cisco), CCSK Cloud (CSA)*

Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik dan Komunikasi Korporat)
Pejabat Penolong Naib Canselor
Profesor Ts. Dr. Mohd Ikmar Nizam Hj. Mohamad Isa
P.Tech (Material Technology)
BSc. Hons Computational Physics & Electronics (Malaya), PhD Advanced Materials (Malaya)

Pengarah, Pusat Kemajuan Profesional dan Pendidikan Berterusan (USIM PACE)
Prof. Madya Dr. Asmaddy Haris
B.Ec, M.Ec (UUM), PhD (Economics) UKM)

Pengarah, Pusat Komunikasi Strategik
Profesor Madya Dr. Mohd Faizal Kasmani
*B. Information Studies (UiTM) , M. in Journalism (Uni. of Sheffield),
Ph.D in Political Science (Australian National Univ.)*

Pendaftar
Dato' Muhammad Haizuan Rozali
DBNS, DPT, KMN, ANS
SmSa (UKM), SSa (UKM)

Bendahari
En. Hezan Shah Zainuddin
Diploma in Accountancy (ITM), Bachelor of Accountancy (Hons) (ITM)

Ketua Pustakawan
Datin Nor Azzah Momin
BA (Hons) IIU, Post Grad. Dip (UiTM), M.Sc (UiTM)

Penasihat Undang-Undang
Dr. Noorfajri Ismail
LL.B (Hons) (UKM), LL.M (UKM), PhD in Law (UM)
Advocate & Solicitor (High Court of Malaya) (Non-Practising)
Accredited Adjudicator (AIAC), Accredited Mediator (MMC)

Setiausaha
Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik
Cik Norlizawaty Tumin
Dip. Syariah (KUIS) BA Hons (Syariah & Kehakiman) (USIM)

Pentadbiran Fakulti Sains dan Teknologi



Dekan

Prof. Madya Dr. Mohd Zalisham Jali
DipCompSc (KUSZA), BScHons (East London), MSc (UiTM) PhD (Plymouth)



Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Madya ChM. Dr. Farah Wahida Harun
BScHons, MSc (UKMalaysia), PhD (Nottingham)



Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Profesor Madya Dr. Ahmad Nazrul Rosli
BSc (UTM), MSc (Malaya), PhD (Malaya)



Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi)

Prof. Madya Dr. Azni Haslizan Abdul Halim
BS (Bradley), MDigiCom (Monash) PhD (UTeM)



Ketua Program Bioteknologi Makanan

Dr. Maryam Mohamed Rehan
BScHons (Malaya), MSc (New South Wales), PhD (Leicester)



Ketua Program Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko

Dr. Sharifah Fairuz Syed Mohamad
BBA (Wisconsin), MSc, PhD (INCEIF)



Ketua Program Sains Komputer (Keselamatan dan Jaminan Maklumat)

Prof. Madya Dr. Nur Hafiza Zakaria
BCompScHons, MSc (USIM), PhD (UPM)



Ketua Program Matematik Kewangan

Dr. Siti Raihana Hamzah
DipSc, BScHons (UiTM), MSc-Tech (New South Wales), PhD (INCEIF)



Ketua Program Teknologi Kimia Industri

Dr. Lailatun Nazirah Ozair
BScHons, MSc, PhD (UM)



Ketua Program Fizik Gunaan

Dr. Syahida Suhaimi
BScHons, PhD (UTM)



Ketua Program Teknologi Industri Kesihatan

Profesor Madya Dr. Azira Khalil
BSc (UiTM), MSc (UOW), PhD (UM)

Kakitangan Akademik Fakulti Sains dan Teknologi

A. Felo Akademik

Dr. Bachok M. Taib (Profesor Emeritus)

BScHons (UKMalaysia), MSc (Reading), PhD (Wollongong)

Ts. Dr. Norita Md Norwawi (Profesor)

BScHons (New South Wales), MSc (UKMalaysia), PhD (UUM)

Dr. Mohd Sukri Hassan (Profesor Madya)

BScHons (UKMalaysia), PhD (Bristol)

B. Felo Budi

Dato' Dr. Roshada Hashim (Profesor Emerita)

BScHons (Salford), Ph.D (Salford)

C. Profesor

Profesor Dato' Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani

BScHons (UKMalaysia), MSc (Reading), PhD (Cambridge)

Profesor Ts. Dr. Mohd Ikmar Nizam Hj. Mohamad Isa

BScHons (UM), PhD (UM)

Profesor Dr. Rosalina Abdul Salam

BScHons (Leeds Metropolitan), MSc (Sheffield), PhD (Hull)

Profesor Ts. Dr. Madiah Mohd Saudi

BITHons (UKMalaysia), MSc (Malaya), Cert GSEC (SANS, USA), CertCEH (EC-Council, USA), PhD (Bradford)

D. Profesor Madya

Profesor Madya Dr. Affa Rozana Abdul Rashid

BEngHons, MSc, PhD (UKMalaysia)

Profesor Madya Dr. Alina Abdul Rahim

BScHons, MSc, PhD (UKMalaysia)

Profesor Madya Dr. Azira Khalil

BSc (UiTM), MSc (UOW), PhD (UM)

Profesor Madya Dr. Azni Haslizan Abdul Halim

BSc (Bradley), MDigiCom (Monash) PhD (UTeM)

Profesor Madya Dr. Azwani Sofia Ahmad Khair

BScHons, PhD (Malaya)

Profesor Madya Dr. Che Wan Zanariah Che Wan Ngah

BScHons (UKMalaysia), MSc, PhD (USM)

Profesor Madya Dr. Ernie Suzana Ali

BScHons, MSc, PhD (UKMalaysia)

Profesor Madya Dr. Farah Wahida Harun

BScHons, MSc (UKMalaysia), PhD (Nottingham)

Profesor Madya Dr. Farida Hazwani Mohd Ridzuan

BSc Hons (UTM), MSc (Essex), PhD (Curtin)

Profesor Madya Dr. Hishamudin Abdul Wahab

BScHons (UKMalaysia), MSc (Wollongong), PhD (INCEIF)

Profesor Madya Dr. Juliana Jumal

BScHons (UKMalaysia), DipEd (UTM), MSc, PhD (UKMalaysia)

Profesor Madya Dr. Mazlynda Md Yusuf

DipActSc, BScHons (UiTM), MSc (Kent), PhD (Southampton)

Profesor Madya Dr. Mohd Azman Hashim @ Ismail

Dip (PPD), BScHons. PhD (Malaya)

Profesor Madya Ir. Dr. Mohd Fared Abdul Khir

B. Electronic & Information Engineering (Yamagata), MSc. (UPM), PhD (UKMalaysia)

Profesor Madya Dr. Mohd Fadzli Marhusin

AAD (KYPM), BScHons (UiTM), MIT (UKMalaysia), MCSE (Microsoft), MCTS (Microsoft), PhD (UNSW)

Profesor Madya Dr. Mohd Hafez Mohd Isa

BScHons, MSc (UKMalaysia), PhD (Reading)

Profesor Madya Dr. Mohd Zalisham Jali

DipCompSc (KUSZA), BScHons (East London), MSc (UiTM) PhD (Plymouth)

Profesor Madya Dr. Najwa Hayaati Mohd Alwi

BITHons, MIT (UKMalaysia), PhD (Cranfield, UK)

Profesor Madya Dr. Nazariyah Yahaya

BScHons, MSc (UKMalaysia), PhD (Sheffield)

Profesor Madya Dr. Nur Hafiza Zakaria

BCompScHons, MSc (USIM), PhD (UPM)

Profesor Madya Dr. Norasikin Fabil

BITHons (UUM), MIT, PhD (UKMalaysia)

Profesor Madya Dr. Norlelawati Arifin

BScHons, MSc (UiTM), PhD (UPM)

Profesor Madya Dr. Nurfadhlin Abdul Halim

BScHons (UMT), Msc, PhD (UKMalaysia)

Profesor Madya Dr. Nurlida Basir

DipCompSc, BScHons, MSc (UTM), PhD (Southampton)

Profesor Madya Dr. Nurul Sima Mohamad Shariff

BScHons (UKMalaysia), MSc, PhD (Malaya)

Profesor Madya Dr. Rose Irnawaty Ibrahim

BScHons (Malaya), MSc (Heriot-Watt), PhD (UiTM)

Profesor Madya Dr. Sakinah Ali Pitchay

BScHons (UMT), MSc (UTM), PhD (Birmingham)

Profesor Madya Dr. Salina Mat Radzi

BScHons, PhD (UPM)

Profesor Madya Dr. Shikh Mohd Shahrul Nizan Shikh Zahari

BScHons (UPM), MSc (UTP), PhD (Imperial College London)

Profesor Madya Dr. Siti Salhah Othman

BScHons, PhD (UPM)

Profesor Madya Dr. Sundresan A/L Perumal

AdvDip(NIIT), BSc (Excelsior College), MSc (LimKokWing), PhD (USIM)

Profesor Madya Dr. Waidah Ismail

DipCompSc (ITM), BScHons (Liverpool), MSc (UiTM) PhD (Brunel)

Profesor Madya Dr. Zulkifly Mohd Zaki

DipBS (ITM), BBAHons (UKMalaysia), MIT (MMU), PhD (Leeds)

E. Felo Kanan

Norazmir Mohd Nordin

BScBa In Act. Sc. (Uni. Of Hartford), MSc (Connecticut)

F. Pensyarah Kanan

Dr. Aminatul Saadiah Abdul Jamil

BSc (UKMalaysia), MSc (Edinburgh), PhD (Swansea)

Dr. Arif Asraf Mohd Yunus

BScHons, PhD (UTM)

Dr. Asmah Mohd Jaapar

BAppSchHons (USM), MAppEcmets (Monash), PhD (INCEIF)

Dr. Azrul Azim Mohd Yunus

BScHons, PhD (UTM)

Dr. Azuan Ahmad

BCompSchHons (USIM), MSc, PhD (UTM)

Dr. Fauziah Abdul Wahid

BScHons, MSc (UiTM) PhD (UIAM)

Dr. Hafiza Yahya

BScHons (UPM), PhD (Nottingham)

Dr. Hanifah Abdul Hamid

BSc (Tulsa), MSc (UTM), PhD (UTeM)

Dr. Hanis Nadia Yahya

BSc (UPM), PhD (Reading)

Dr. Ismatul Nurul Asyikin Ismail

BScHons (USIM), MSc (USIM), PhD (New Castle)

Dr. Karmila Hanim Kamil

BBA Hons (UiTM), MSc (Southampton), PhD (UKMalaysia)

Dr. Lailatun Nazirah Ozair

BScHons, MSc, PhD (UM)

Dr. Latiffah Karim

BScHons (UIA), MSc (Uni of Manchester), PhD (Imperial College London)

Dr. Maryam Mohamed Rehan

BScHons (Malaya), MSc (New South Wales), PhD (Leicester)

Dr. Mohd Hafiz Abu Hassan

A-Level (KMS), MEng (Nottingham, Malaysia), PhD (Nottingham)

Dr. Mohd Ilias M Shuhud

Dip.Acc, BScHons (UiTM), MSc (UiTM), PhD (USIM)

Dr. Mohd Nazmi Abd Manap

BScHons (USM), PhD (Nottingham)

Dr. Muhamad Arif Mohamad Jamali

BScHons, MSc (UiTM), PhD (Hyogo)

Dr. Muhammad Mus'ab Anas Mohd Anas

BScHons, MSc, PhD (UKMalaysia)

Dr. Muhammad Qadri Effendy Mubarak

BScHons, MSc (USIM), PhD (Manchester)

Dr. Muhammad Safwan Ibrahim

BScHons, MSc (UTM), PhD (Newcastle)

Dr. Muhammad Harith Bin Noor Azam

BCompSchHons, PhD (USIM)

Dr. Muhammad Zaim Razak

BScHons (USIM), MSc (UIA), PhD (Durham)

Dr. Nadhrah Md Yatim

BScHons, MSc (UKMalaysia) PhD (Cardiff)

Dr. Noor 'Adilah Ibrahim

BScHons (USIM), MSc (UKMalaysia), PhD (Oslo)

Dr. Norhana Abd Rahim

BScHons (Swansea), MSc (ANU), PhD (UiTM)

Dr. Norhidayah Azman

BScHons (Southampton), PhD (Southampton)

Dr. Norizarina Ishak

BScHons (UiTM), MSc (UKM), PhD (Kaiserslautern)

Dr. Norshazila Binti Shahidan

BSc (UKM), MSc (UKM), PhD (IIUM)

Dr. Nur Amalina Mohd Amin

BScHons, MSc (USIM), PhD (Nottingham)

Dr. Nur Athirah Mohd Taib

BSc, PhD (UTM)

Dr. Nur Atiqah Nasir

BScHons, MSc (UTM), PhD (Sheffield)

Dr. Nur Fatin Nabila Mohd Rafei Heng

DipCompSc, BScHons (UMT), MSc (UMT), PhD (UKMalaysia)

Dr. Nur Huda Faujan

BScHons, MSc (UKMalaysia), PhD (UPM)

Dr. Nur Zazarina Ramly

BScHons (UKMalaysia), PhD (Nottingham)

Dr. Nurdiana Azizan

BSc (Clarkson), MSc (UiTM), PhD (RMIT)

Dr. Nurzi Juana Mohd Zaizi

DipSc, BSc (UPM), MSc (Birmingham), PhD (Herriot Watt)

Dr. Rabihah Md Sum

DipActSc (ITM), BScHons (UKMalaysia), MSc (Georgia State), PhD (Macquarie)

Dr. Roesnita Ismail

BScHons (UiTM), MLibSc, PhD (Malaya)

Dr. Shahino Mah Abdullah

BScHons (UM), PhD (UM)

Shaharudin Ismail

BSc (Denver), MIT (UKM)

Dr. Shahrina Ismail

BScEd, MMath (UPM), PhD (Brisbane)

Dr. Sharifah Fairuz Syed Mohamad

BBA (Wisconsin), MSc, PhD (INCEIF)

Datin Dr. Siti Masitah Elias

BAHons (Lancaster), MSc (Leeds), PhD (UKMalaysia)

Dr. Siti Radhiah Omar

BScHons (USIM), MSc (UKMalaysia), PhD (UPM)

Dr. Siti Raihana Hamzah

DipSc, BScHons (UiTM), MSc-Tech (New South Wales), PhD (INCEIF)

Dr. Sofina Tamam

BScHons (Applied Science) (USM), MSc Medical Physics, PhD Medical Physics (USM)

Dr. Syahida Suhaimi

BScHons, PhD (UTM)

Dr. Syamila Mansor

BScHons (USIM), MSc (Drexel), PhD (Nottingham)

Dr. Syaril Nizam Omar

BScHons, MSc, PhD (UTM)

Dr. Syaza Azhari

BScHons, PhD (UTM)

Dr. Tengku Shafazila Tengku Saharuddin

BScHons (UPM), MSc (UiTM), PhD (UKMalaysia)

Dr. Wan Maisarah Mukhtar

BScHons (Malaya), MSc, PhD (UKMalaysia)

Dr. Wan Nur Rahini Aznie Zainudin

BScHons (UiTM), MSc (Reading), PhD (Manchester)

Dr. Yumn Suhaylah Yusoff

DipSc, BScHons (UiTM), MSc (Kent), PhD (Heriot Watt)

G. Pensyarah Universiti

Dr. Ahmad Akmaluddin Mazlan

BCompSchHons, MSc (USIM), PhD (UTM)

Dr. Ahmad Riduan Bahauddin

BSc., MSc (UMS), PhD (UPM)

Dr. Muhammad Naeim Mohamad Asri

BSc (USM), MSc (USM), PhD (USM)

Azreena Abu Bakar

BScHons (UKMalaysia), MSc (UTM)

Norlida Mahussin

DipBS, BBAHons (UiTM), MSc (UPM)

Nurhatiah Ahmad Chukari

Dip (UiTM), BSc (UiTM), MSc (Connecticut)

Nurul Fathihin Mohd Noor Shah

Dip (UPS), BScHons (UUM), MSc (UUM)

Rosli Shaari

BScHons (UiTM), MSc (Glasgow Caledonian)

Kakitangan Pentadbiran



Timbalan Pendaftar
Mazlina Mohamed Tamjid (Akademik)



Penolong Pendaftar
Mua'azz Shahari (Pentadbiran dan Hal Ehwal Pelajar)



Pegawai Penyelidik
Siti Nazurah Md Jusoh



Pegawai Penyelidik
Balqish Juliana Ali



Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Kesetiausahaan)
Che Ku Sarahanim Che Ku Abd Rahim



Penolong Pegawai Tadbir
Amy Shazatul Liyana Mohd Shah



Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Mohd Nazrul Maslam



Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Siti Rozainah Rozlan



Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Balqish Maryna Ali



Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Fazlil bin Sharif



Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Putri Nuralia Natasha Mohd Zain



Pembantu Operasi
Mohamad Zulhilmi Ghazali

Kakitangan Makmal dan Teknikal

Timbalan Ketua Pegawai Sains

Firdhaus Mohd Haflah

Pegawai Sains Kanan

Dr. Syamsul Kamar Muhamad@Wahab

Pegawai Sains

Anis Suraya Mohamed Rasdi
Muhammad Ashraf Mohd Saad
Siti Fatimah Khotil

Penolong Pegawai Sains Kanan

Hassan Azhari Yunos
Siti Aminah Pa Chu Adek

Penolong Pegawai Sains

Mohd Nazarali Ali
Mohd Zulkiflee Mohd Zain
Norhafiza Abdul Ghafar
Rina Wahap
Normah Haron

Penolong Pegawai Penyedia Makanan Kanan

Ainida Hj. Fauzi

Pembantu Makmal Kanan

Mazlan Abd Samat
Wan Shahrol Aznor Wan Osman

Pembantu Makmal

Muhammad Izzat Redzuwan
Muhamad Izuan Mohd Safawi
Siti Shazwani Mohd Noor
Mohamad Asnawi Ya'acob

Juruteknik Komputer

Hisham Mohd

**TAKWIM AKADEMIK PROGRAM SARJANA MUDA
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
SESI AKADEMIK 2025/2026**

(KAMPUS NILAI)

AKTIVITI	SEMESTER I	
	*TARIKH	TEMPOH
Pendaftaran Pelajar Baharu	23 – 24 September 2025	2 hari
Program Ta'aruf Pelajar Baharu	25 – 27 September 2025	3 hari
Perkuliahahan	29 September – 16 November 2025	7 minggu
Cuti Pertengahan Semester I	17 – 23 November 2025	1 minggu
<i>Perkuliahahan</i>	24 November – 11 Januari 2026	7 minggu
<i>Minggu Ulang Kaji</i>	12 – 18 Januari 2026	1 minggu
Peperiksaan	19 Januari – 8 Februari 2026	3 minggu
Cuti Semester I	9 Februari – 29 Mac 2026	7 minggu

Kuliah : 14 minggu
 Ulang Kaji : 1 minggu
 Peperiksaan : 3 minggu
 Cuti : 8 minggu

AKTIVITI	SEMESTER II	
	*TARIKH	TEMPOH
<i>Perkuliahahan</i>	30 Mac – 24 Mei 2026	8 minggu
<i>Cuti Pertengahan Semester II</i>	25 – 31 Mei 2026	1 minggu
<i>Perkuliahahan</i>	1 Jun – 12 Julai 2026	6 minggu
<i>Minggu Ulang Kaji</i>	13 – 19 Julai 2026	1 minggu
<i>Peperiksaan</i>	20 Julai – 9 Ogos 2026	3 minggu
<i>Cuti Semester II</i>	10 Ogos – 6 September 2026	4 minggu

Kuliah : 14 minggu
 Ulang Kaji : 1 minggu
 Peperiksaan : 3 minggu
 Cuti : 5 minggu

*Tertakluk kepada pindaan

**Takwim/aktiviti bagi program pengajian Mod 3u1i adalah merujuk kepada takwim/aktiviti yang ditetapkan oleh pihak Fakulti/Program.

***Sebagaimana diluluskan oleh Senat Universiti Kali Ke-170 Bil.3/2025 pada 12 Mac 2025

SENARAI HARI KELEPASAN AM PERSEKUTUAN: NEGERI SEMBILAN

HARI KELEPASAN AM	TAHUN	
	2025	2026
Tahun Baru	1 Januari (Rabu)	1 Januari (Khamis)
Hari Keputeraan YDPB Negeri Sembilan	14 Januari (Selasa)	14 Januari (Rabu)
Israk dan Mikraj	27 Januari (Isnin)	17 Januari (Sabtu)
Tahun Baru Cina	29 – 30 Januari (Rabu – Khamis)	17 – 18 Februari (Selasa – Rabu)
Hari Thaipusam	11 Februari (Selasa)	1 Februari (Ahad)
Hari Raya Aidilfitri	31 Mac – 1 April (Isnin – Selasa)	21 – 22 Mac (Sabtu – Ahad)
Hari Pekerja	1 Mei (Khamis)	1 Mei (Jumaat)
Hari Wesak	12 Mei (Isnin)	31 Mei (Ahad)
Hari Keputeraan YDP Agong	2 Jun (Isnin)	1 Jun (Isnin)
Hari Raya Aidiladha	6 Jun (Jumaat)	27 Mei (Rabu)
Awal Muharram	27 Jun (Jumaat)	17 Jun (Rabu)
Hari Kebangsaan	31 Ogos (Ahad)	31 Ogos (Isnin)
Maulidur Rasul	5 September (Jumaat)	25 Ogos (Selasa)
Hari Malaysia	16 September (Selasa)	16 September (Rabu)
Hari Deepavali	20 Oktober (Isnin)	9 November (Isnin)
Hari Krismas	25 Disember (Khamis)	25 Disember (Jumaat)

**Tertakluk kepada pindaan*

***Hari kelepasan am yang jatuh pada hari Ahad maka hendaklah digantikan pada keesokan harinya (Isnin) tetapi jika keesokannya pula sedia menjadi suatu hari kelepasan am, hari berikutnya hendaklah dijadikan hari kelepasan am. Jika jatuh pada hari Sabtu, tidak akan diganti (Akta Hari Kelepasan Am 1951).*

Latar Belakang Fakulti Sains dan Teknologi

Fakulti Sains dan Teknologi (FST) secara rasminya ditubuhkan pada 1 Disember 2003. Program pertama yang ditawarkan oleh FST ialah Program Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan) dengan pengambilan pelajar sulung seramai 43 orang mulai sesi 2004/2005. Kumpulan pertama ini telah pun menerima ijazah mereka pada tahun 2008.

Pada sesi 2005/2006, FST telah menawarkan Program Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko) dan Program Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat). Bermula sesi 2006/2007, Program Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Matematik Kewangan) pula mula ditawarkan, dengan diikuti Program Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Fizik Gunaan) dan juga Program Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Teknologi Kimia Industri) pada sesi 2008/2009. Program terbaharu yang ditawarkan adalah Sarjana Muda Teknologi Industri Kesihatan dengan Kepujian bermula sesi 2021/2022.



Bagi memastikan pelajar FST mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi yang diperlukan dalam pasaran, maka pelbagai program pembangunan mahasiswa telah dijalankan dari semasa ke semasa. Antara program-program utama yang dianjurkan oleh pihak FST ialah Hari Pengenalan Produk Baru, Himpunan Saintis Muda, Pertandingan Inovasi Pelajar USIM (SIC), lawatan industri dan sebagainya. FST turut mengadakan program pengantarabangsaan bagi memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang perkembangan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di universiti luar negara seperti ke Singapura, Thailand, Indonesia, Australia, dan juga Korea Selatan.

Pihak FST amat berbangga kerana para pelajarnya telah berjaya mengharumkan nama Universiti apabila memenangi pelbagai program dalam bidang akademik mahu pun ko-kurikulum yang dianjurkan oleh pihak Universiti atau pihak luar. FST juga telah melahirkan alumni yang kini berkhidmat di pelbagai sektor awam dan swasta di seluruh negara. Sesungguhnya, inilah cabaran bagi pelajar baru FST untuk meneruskan kecemerlangan FST pada tahun-tahun akan datang.

JUSTIFIKASI PENUBUHAN FAKULTI

Penubuhan FST adalah berdasarkan rasional berikut:

1. Menjadikan teras pengajian Islam mengarah kepada pengajian yang bersifat lebih praktikal (*hands-on*), terutamanya dengan penumpuan kepada bidang sains dan teknologi;
2. Keperluan melahirkan ahli-ahli sains dan teknologi Muslim di negara ini dalam pelbagai bidang adalah sangat diperlukan untuk menjadikan Malaysia sebagai contoh negara Islam yang maju. Dijangkakan dengan adanya pelbagai program yang diterapkan bersama kursus pengajian Islam, USIM dapat melahirkan ahli-ahli sains dan teknologi Muslim dalam membantu Kementerian untuk mengukuhkan lagi nisbah sains dan sastera kepada 60:40;
3. Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang dibiayai oleh kerajaan dengan mengeluarkan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) boleh dipertimbangkan untuk mengikuti program pengajian kompetitif, seperti perubatan dan farmasi sekiranya memperolehi pencapaian yang baik. Oleh kerana tempat yang ditawarkan oleh universiti tempatan dalam bidang sains dan teknologi begitu terhad, sebahagian besar daripada pelajar berprestasi baik di sekolah-sekolah

ini terpaksa meneruskan pengajian di universiti-universiti di Timur Tengah ataupun meneruskan pengajian dalam bidang sains konvensional atau Sastera;

4. USIM bertekad untuk menjadikan FST yang boleh menyumbang ke arah perkembangan sains dan teknologi serta memenuhi permintaan dan keperluan negara ini;
5. Bakal graduan sains dan teknologi yang dihasilkan oleh USIM, selain dari mereka mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing, pada masa yang sama mereka juga mempunyai akhlak dan kefahaman yang betul tentang Islam dan penghayatannya yang boleh dikaitkan dengan ilmu sains dan teknologi.

VISI, MISI, NILAI DAN OBJEKTIF FAKULTI

FST ditubuhkan dengan menumpukan usaha bagi melahirkan ahli sains dan teknologi Muslim dalam pelbagai bidang yang sangat diperlukan untuk menjadikan Malaysia sebagai model negara Islam maju. FST memberi peluang kepada lepasan SPM dari pelbagai jenis sekolah menengah agama dan pra-universiti untuk meneruskan pengajian dalam bidang sains dan teknologi di samping ilmu fardu 'ain. Peluang ini menganjakan paradigma di kalangan masyarakat Islam Malaysia berkenaan kemasukan anak-anak ke sekolah agama tidak semestinya keluaran akhirnya tertumpu kepada bidang agama juga. Untuk mencapai harapan yang tinggi ini, FST telah menetapkan visi, misi, dan nilai berikut:

Visi

Menerokai dan menerajui kesjaranaan sains dan teknologi dengan mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli dalam mentransformasi dan memartabatkan universiti dan ummah

Misi

Melahirkan modal insan yang holistik, seimbang dan berkeusahawanan serta produk yang berinovatif melalui penjaan dan penyebaran ilmu sains dan teknologi.

Nilai

- Sentiasa mengejar kecemerlangan dalam semua usaha
- Sentiasa saksama, integriti dan bertanggungjawab
- Sentiasa jujur terhadap hak dan kebebasan menjana dan mendisiminsi ilmu
- Sentiasa rela berkhidmat kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa
- Sentiasa berwawasan inovatif dan kreatif

OBJEKTIF FAKULTI

FST berusaha untuk mencapai matlamat berikut:

- Menyediakan program akademik dan persekitaran pengajaran & pembelajaran yang kondusif bagi memenuhi keperluan modal insan;
- Menjalankan penyelidikan bagi menghasilkan produk inovatif serta menerbitkan penulisan ilmiah yang berkualiti;
- Memimpin kesjaranaan sains dan teknologi dalam menghasilkan graduan holistik, seimbang dan berkeusahawanan demi pembangunan ummah.

HASIL PEMBELAJARAN FAKULTI

FST ditubuhkan bertujuan untuk menghasilkan graduan yang:

1. Menguasai ilmu sains dan teknologi sebagai tuntutan Fardhu Kifayah untuk memberi paduan dan perkhidmatan kepada sistem kehidupan Islam yang sempurna;
2. Mempunyai kemahiran teknikal, praktikal, psikomotor yang tinggi serta dapat mencapai tahap profesionalisme yang beretika dan berintegriti;
3. Mampu berfikir secara kritis dan saintifik serta mahir berkomunikasi dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab dengan baik;
4. Mempunyai kemahiran pengurusan dan keusahawanan serta berkebolehan mengurus sistem maklumat dan sentiasa berkemahuan menambah ilmu;
5. Mempunyai wawasan kepimpinan yang menyumbang kepada pembangunan ummah.

SKOP BIDANG PENGAJIAN DAN PENYELIDIKAN FAKULTI

Program yang ditawarkan oleh FST berbentuk akademik dan formal di peringkat Ijazah Sarjana Muda yang merangkumi bidang berikut:



PROGRAM SARJANA MUDA YANG DITAWARKAN PADA SESI AKADEMIK 2025/2026

NAMA	KOD
Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan)	UQ6545001
Sarjana Muda dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko)	UQ6462001
Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat)	UQ6481001
Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Matematik Kewangan)	UQ6461001
Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Fizik Gunaan)	UQ6545004
Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Teknologi Kimia Industri)	UQ6545003
Sarjana Muda Teknologi Industri Kesihatan dengan Kepujian	UQ6545002

Sarjana Muda Sains dengan Kepujian **BIOTEKNOLOGI MAKANAN**

QG07 | UQ6545001



Latar belakang

Program Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan) merupakan program yang pertama yang ditawarkan oleh Fakulti Sains dan Teknologi (FST) mulai sesi akademik 2004/2005. Tempoh pengajian bagi program ini adalah selama empat (4) tahun dengan gabungan pengajaran, projek disertasi serta latihan industri.



Objektif Pembelajaran Program (PEO)

Objektif utama Program Bioteknologi Makanan adalah untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan, berkemahiran dan mampu mengintegrasikan pengetahuan sains biologi dan teknologi makanan yang berkaitan dengan mengambil kira aspek etika dan tanggungjawab sosial.

Oleh itu, Program Bioteknologi Makanan berusaha untuk mencapai matlamat atau objektif berikut :

1. Ahli bioteknologi makanan yang mempunyai pengetahuan asas di dalam dan di luar bidang ilmu serta kompeten dalam kemahiran praktikal dan analisis numerikal selaras dengan falsafah pendidikan universiti (PLO1, PLO2, PLO3, PLO7)
2. Ahli bioteknologi makanan yang boleh memimpin dan bekerjasama di dalam pasukan semasa menjalankan sesuatu projek atau kajian serta dapat memberi sumbangan pengetahuan dalam memenuhi keperluan bidang dan industri melalui kebolehan berkomunikasi secara berkesan (PLO4, PLO5, PLO8)
3. Ahli bioteknologi makanan yang mempunyai kesedaran tentang isu semasa dan berupaya untuk beradaptasi dengan perkembangan dalam bidang berkaitan seperti polisi, perundangan, etika dan sosial (PLO11)
4. Ahli bioteknologi makanan yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kebolehan dengan menggunakan teknologi digital bagi menghasilkan peluang perniagaan dalam industri makanan (PLO6, PLO9, PLO10)



Hasil Pembelajaran Program (PLO)

Berdasarkan matlamat di atas, program ini bertujuan untuk melahirkan graduan yang:

PLO No.	Hasil Pembelajaran Program (PLO)
	Graduan SMS (Bioteknologi Makanan) harus:
PLO1	Berpengetahuan dan mempunyai kemahiran yang komprehensif dalam bidang Bioteknologi Makanan
PLO2	Mengaplikasi kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam penyelesaian masalah yang berkaitan
PLO3	Mempunyai kemahiran yang bersesuaian semasa menjalankan eksperimen, menganalisis dan menginterpretasi data untuk kegunaan kajian dalam bidang Bioteknologi Makanan
PLO4	Menunjukkan kemahiran antara perseorangan dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan bidang bioteknologi makanan
PLO5	Menyampaikan maklumat secara efektif secara lisan atau bertulis
PLO6	Berkebolehan menggunakan teknologi digital dalam mendapatkan sumber maklumat
PLO7	Berkebolehan untuk menggunakan dan menghubungkan data saintifik dan analisis numerikal
PLO8	Mempamerkan sikap kepimpinan dan bekerjasama dalam pasukan
PLO9	Menunjukkan kemahiran personal yang sesuai dalam menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan bidang bioteknologi makanan
PLO10	Mempunyai kemahiran keusahawanan dan kompeten dalam menguruskan sesuatu projek berkaitan keusahawanan.
PLO11	Berkebolehan untuk mengenal pasti dan berupaya membuat keputusan secara profesional dalam isu asas pengkomersilan, etika, dan sosial yang berkaitan dengan bidang bioteknologi makanan.

Struktur Program
SARJANA MUDA SAINS DENGAN KEPUJIAN (BIOTEKNOLOGI MAKANAN)
SESI AKADEMIK 2025/2026

Kod kursus	Nama kursus	Komponen Kursus		Jam kredit
SEMESTER I				
BUA1012	Bahasa Arab Asas	WH	Pra-syarat	2 (Nilai kredit Tidak Dikira)
BIK1012	Bahasa Inggeris 1	WH	Pra-syarat	2 (Nilai kredit Tidak Dikira)
BIP1022	Bahasa Inggeris 2	WH		
BAF1022	Bahasa Arab Praktikal	WF	Komponen Bahasa/PPT (General and HEP Courses)	2
BAU2022	Bahasa Arab Komunikasi	WU		
BAF3022	Bahasa Arab Sains	WF		
BIK1032	Bahasa Inggeris 3	WU	Komponen Wajib PPT (General and HEP Courses)	2
BIK2042	Bahasa Inggeris 4	WF		
UTC1012	Penghayatan Etika dan Peradaban	WU	Komponen wajib PPT (General and HEP courses)	2
UBY1012	Bahasa Melayu Komunikasi			
ISI1012	Pengantar Sains Islam	WF	Komponen Bahasa/PPT (general and HEP courses)	2
UTI1022	Al-Dirasat al-islamiyyah I	WU	Komponen wajib PPT (General and HEP courses)	2
C#####2	Ko-Kurikulum	WU	Komponen wajib PPT/ general and HEP courses)	2
SFS1112	Fizik Sains Hayat	WP	Komponen Sains Asas (Fundamental sciences)	2
SBS1012	Biologi Sel	WP	Komponen Teras Disiplin (Dicipline core)	2
SBP1033	Prinsip Sains dan Bioteknologi Makanan	WP	Komponen Sains Asas (Fundamental sciences)	3
Jumlah jam kredit semester				19
SEMESTER II				
BAF1022	Bahasa Arab Praktikal	WF	Komponen Bahasa/PPT (General and HEP Courses)	2

Kod kursus	Nama kursus	Komponen Kursus		Jam kredit
BAU2022	Bahasa Arab Komunikasi	WU	Komponen Wajib PPT (General and HEP Courses)	
BAF3022	Bahasa Arab Sains	WF	Komponen Bahasa/PPT (General and HEP Courses)	
BIK1022	Bahasa Inggeris 2	WF	Komponen Bahasa/PPT (General and HEP Courses)	2
BIK1032	Bahasa Inggeris 3	WU		
BIK2042	Bahasa Inggeris 4	WF		
UTC1022	Ethics and Civilization	WU	Komponen wajib PPT/ general and HEP courses)	2
UTP1012	Falsafah dan Isu Semasa			
UTU1032	Al-Dirasat al-Islamiyyah II	WU	Komponen wajib PPT/ general and HEP courses)	2
SMS1012	Analitik Data	WP	Komponen Sains Asas (Fundamental Sciences)	2
SCO1213	Kimia Organik Sains Hayat	WP		3
SBP1023	Kimia Makanan	WP	Teras Disiplin (Dicipline Core)	3
SBS1022	Fisiologi Tumbuhan dan Haiwan	WP		2
Jumlah jam kredit semester				18
SEMESTER III				
BAU2022	Bahasa Arab Komunikasi	WU	Komponen Wajib PPT (General and HEP Courses)	2**
BIK1032	Bahasa Inggeris 3	WU	Komponen Bahasa/PPT (General and HEP Courses)	2*
BIK2042	Bahasa Inggeris 4	WF		
UTU3012	Keusahawanan	WU	Komponen wajib PPT/ general and HEP courses)	2
UTR1012	Integriti dan Antirasuah	WU	Komponen wajib PPT (General and HEP courses)	2
SBS2063	Rekabentuk Eksperimen	WP	Teras Disiplin (Dicipline Core)	3
SBS2043	Biokimia	WP		3
SBS2053	Mikrobiologi	WP		3
SBP2063	Analisis Sensori Makanan	WP		3
#####	Elektif Bebas 1	EP	Elektif Bebas (Free Elective)	2
Jumlah jam kredit semester				18
Semester iv				
SKJ3192	Teknologi Digital	WP	Teras Disiplin (Dicipline Core)	2
SBS2073	Genetik Molekul	WP		3
SBP2064	Kimia Analisis dan Intrumentasi Makanan	WP		4
SBP2043	Penghasilan Makanan Halal	WP		3
SBP3093	Mikrobiologi Makanan	WP		3
#####	Elektif Bebas 2	EP	Elektif Bebas (Free Elective)	2

Kod kursus	Nama kursus	Komponen Kursus		Jam kredit
Jumlah jam kredit semester				17
Semester v				
SBS3073	Bioinformatik	WP	Teras Disiplin (Dicipline Core)	3
SBP3022	Analisis Produk Halal	EP	Elective related to Core	2
SBT3033	Pembungkusan Makanan	WP	Teras Disiplin (Dicipline Core)	3
SBS3123	Kejuruteraan Genetik	WP	Teras Disiplin (Dicipline Core)	3
SBT3043	Teknologi Pemprosesan dan Pengawetan Makanan	WP	Teras Disiplin (Dicipline Core)	3
#####	Elektif Bebas 3	EP	Elektif Bebas (Free Elective)	2
Jumlah jam kredit semester				16
SEMESTER VI				
SBS4983	Projek Tahun Akhir I	WP	Komponen Projek Tahun Akhir (Final Year Project)	3
SBT3013	Pembangunan Produk Makanan	WP	Teras Disiplin (Dicipline Core)	3
SBP3042	Keselamatan dan Perundangan Makanan	WP	Teras Disiplin (Dicipline Core)	2
SBP3133	Nutraseutikal dan Makanan Berfungsi	WP	Teras Disiplin (Dicipline Core)	3
SBP3073	Jaminan Kualiti Makanan	WP		3
SBT4063	Teknologi Bakeri dan Beverej	EP	Elektif Program (Elective related to Core)	3
SBS4113	Kultur Tumbuhan dan Haiwan			
Jumlah jam kredit semester				17
SEMESTER VII				
SBS4985	Projek Tahun Akhir II	WP	Komponen Projek Tahun Akhir (Final Year Project)	5
SBP4152	Pemakanan dan kesihatan	EP	Elektif Program (Elective related to Core)	2
SBP4012	Toksikologi Makanan			
SBS4102	Isu Semasa Dalam Bioteknologi Makanan	WP	Teras Disiplin (Dicipline Core)	2
SBT4032	Teknologi Enzim dan Fermentasi	EP	Elektif Program (Elective related to Core)	2
SBS4082	Mikrobiologi Industri			
SBT4063	Teknologi Bakeri dan Beverej	EP	Elektif Program (Elective related to Core)	3
SBS4113	Kultur Tumbuhan dan Haiwan			
Jumlah jam kredit semester				14
SEMESTER VIII				
SBZ401C	Latihan Industri	WP	Komponen Latihan Industri (Industrial Training)	12
Jumlah jam kredit semester				12
Jumlah jam kredit Keseluruhan				131

Nota:

- Pelajar wajib Lulus kursus pra-syarat dan gred bagi kursus tersebut dikecualikan dalam pengiraan PNGS/PNGK.
- Struktur penawaran baharu kursus Bahasa Inggeris adalah seperti berikut:

Kursus	Band MUET semasa kemasukan ke USIM			
	Band 1.0, 2.0 dan 2.5	Band 3.0 dan 3.5	Band 4.0 dan 4.5	Band 5.0 dan 5+
BIK1012 Bahasa Inggeris 1 (<i>English 1</i>)	Kursus pra-syarat - WH (Nilai kredit tidak dikira)			
BIP1022 / BIK1022* Bahasa Inggeris 2 (<i>English 2</i>)	Kursus berkredit (WF)	Kursus pra-syarat (Nilai kredit tidak dikira)		
BIK1032 Bahasa Inggeris 3 (<i>English 3</i>)	Kursus berkredit (WU)	Kursus berkredit (WU)	Kursus berkredit (WU)	Pengecualian Kredit (PK)**
BIK2042 Bahasa Inggeris 4 (<i>English 4</i>)		Kursus berkredit (WF)	Kursus berkredit (WF)	Kursus berkredit (WF)

Nota:

* Kod kursus BIP1022 - kursus pra-syarat

* Kod kursus BIK1022 - kursus bertaraf WF

** Pengecualian Kredit (PK): Pengecualian kredit WU diberikan kepada pelajar yang mencapai MUET Band 5.0 dan 5+

- Struktur penawaran kursus Bahasa Arab adalah seperti berikut:

Kursus	Band IKLA semasa kemasukan ke USIM			
	Band 1	Band 2 - 4	Band 5	Band 6
BUA1012 Bahasa Arab Asas	Kursus pra-syarat (Nilai kredit tidak dikira)			
BAF1022 Bahasa Arab Praktikal	Kursus berkredit (WF)	Kursus berkredit (WF)		
BAU2022 Bahasa Arab Komunikasi	Kursus berkredit (WU)	Kursus berkredit (WU)	Kursus berkredit (WU)	Pengecualian Kredit (PK)*
BAF3022 Bahasa Arab Sains			Kursus berkredit (WF)	Kursus berkredit (WF)

Nota:

* Pengecualian Kredit (PK): Pengecualian kredit WU diberikan kepada pelajar yang mencapai IKLA Band 6

Sinopsis Kursus dan Rujukan
PROGRAM BIOTEKNOLOGI MAKANAN

SBS1012 BIOLOGI SEL

Kursus ini membincangkan secara mendalam mengenai struktur dan fungsi sel. Ia merangkumi hubungan antara struktur dan fungsi pelbagai organel. Perbincangan merangkumi struktur membran, retikulum endoplasma dan dinding sel tumbuhan dan bakteria. Makromolekul sel seperti asid nukleik, polisakarida dan lipid akan turut diuraikan. Topik yang dibincangkan juga adalah termasuk sistem penimbun dan sistem pengangkutan di dalam sel. Tindakbalas di dalam sel yang melibatkan katalisis enzim, hubungan spesifik antara enzim dan substrat, dan pengawalan yang melibatkan enzim akan turut dibincangkan. Pemahaman yang jelas mengenai prinsip termodinamik atau keseimbangan tenaga adalah mustahak untuk dipelajari dalam memahami proses biologi yang berlaku di dalam sel.

Rujukan:

1. Reece, J. B., Urry, L. A., Cain, M. L., Wasserman, S. A., Minorsky, P. V., Jackson, R. B., Rawle, F., Durnford, D., Moyes, C., Walde, S. & Scott, K. (2017). Campbell biology. 2nd Edition. Pearson Canada.
2. Karp, G., Iwasa, J. & Marshall, W.F. (2016). Karp's Cell and Molecular Biology: Concepts and Experiments. 8th Edition. John Wiley & Sons Inc. New York.
3. Reece, J.B., Urry, L.A., Cain, M.L., Wasserman, S.A., Minorsky, P.V. & Jackson, R.B. (2013). Campbell Biology. 10th Edition. San Francisco: Pearson Benjamin Cummings.
4. Karp, G. (2008). Cell and Molecular Biology. 5th Edition. UK: John Wiley & Sons Pte.Ltd.
5. Hardin, J., Bertoni, G.P. & Kleinsmith, L.J. (2017). Becker's World of the Cell. 9th Edition. Pearson Higher Ed. San Fransisco.
6. Voet, D., Voet, J.G. & Pratt, C.W. (2016). Fundamentals of biochemistry: life at the molecular level. 5th Edition. John Wiley & Sons. New Jersey.
7. Elliot, W.H. & D.C. (2014). Biochemistry and Molecular Biology. 5th Edition. Oxford: Oxford University Press.

SFS1112 FIZIK SAINS HAYAT

Kursus ini merupakan kursus pengenalan fizik yang merangkumi konsep asas, prinsip-prinsip dan sejarah fizik. Topik-topik di dalam kursus ini termasuk mekanik, haba, cahaya, bunyi, elektrik dan magnetisma, termodinamik dan fizik moden.

Rujukan:

1. Serway, R. A., & Jewett, J. W. (2018). Physics for scientists and engineers. Cengage learning.
2. Young, H. D., Adams, P. W., & Chastain, R. J. (2016). College Physics. Pearson Higher Ed. Conceptual Physics, Paul-Hewitt (New York: Addison-Wesley Publishers, 2002)

SBP1033 PRINSIP SAINS DAN BIOTEKNOLOGI MAKANAN

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar pemahaman tentang bagaimana bahan mentah menjadi makanan, bagaimana komponen makanan dapat bertindak balas bersama, penyebab kemerosotan makanan, dan prinsip-prinsip asas pemprosesan makanan melalui pengetahuan sains dan bioteknologi. Penerapan sains fizik, kimia, dan mikrobiologi untuk pemprosesan dan pengawetan makanan dalam pengembangan produk makanan baru yang lebih baik juga, akan diperkenalkan kerana banyak produk makanan berpotensi untuk dikategorikan sebagai produk berisiko tinggi kecuali jika ditangani dan disimpan dengan betul, yang mungkin juga merupakan sumber keracunan makanan dan jangkitan makanan kepada kesihatan manusia.

Rujukan:

1. Al-Quran & Hadith:
 - a. Al-Quran: Quranic verses related to Halal Haram in Food Products and Food Additives Guidance (2:173; 5:3-5, 5:96; 6:118; 6:145; 16:67; 16:114)
 - b. Hadith: Hadith related to Halal Haram in Food Products and Food Additives Guidance

- (Hadith Sahih Sunan Abi Dawud 3676, Hadith Sahih Sunan Abi Dawud 3793, Hadith Sahih 3054, Hadith Sahih Muslim 1948)
2. Brown, A. (2019). *Understanding Food: Principles and Preparation*. 6th Edition. Cengage Learning. ISBN-13: 978-1337557566
 3. Bennion, M. and Scheule, B. (2015). *Introductory Foods*. 14th Edition. Pearson Education. ISBN-13: 978-0132739276
 4. Parker, R. and Pace, M. (2017). *Introduction to Food Science and Food Systems*. 2nd Edition. Cengage Learning. ISBN-13: 978-1305855465
 5. Persatuan Pengguna Pulau Pinang. (2006). *Halal Haram, Panduan Pengguna Pulau Pinang Persatuan Pengguna Pulau Pinang*. ISBN: 983-104-202-6
 6. Russly Abdul Rahman, Nurdeng Deuraseh, and Mohammad Aizat Jamaludin (Eds.) (2014). *Isu Halal Kontemporari*. Penerbit Universiti Putra Malaysia. ISBN: 978-967-344-393-2.
 7. Vaclavik, V. and Christian, E.W. (2014). *Essentials of Food Science*. 4th Edition. Springer. ISBN-13: 978-1461491378"
-

SMS1012 DATA ANALITIK

Kursus ini membantu pelajar untuk memahami pengetahuan asas analisis data menggunakan alat statistik dengan mengumpulkan, menerangkan dan menganalisis data yang merupakan sebahagian daripada deskriptif dan ramalan analitik. Topik merangkumi pengenalan analisis data, konsep statistik dalam analisis deskriptif, dan statistik inferensi untuk pelbagai aplikasi.

Rujukan:

1. Peck, R., Short, T., & Olsen, C. (2019) *Introduction to statistics and data analysis*. Cengage.
 2. Heumann C, Shomaker M, Shalabah (2016) *Introduction to statistics and data analysis*. Springer
 3. Mendenhall, W., Beaver, R., & Beaver, B. (2019). *Introduction to probability and statistics* (15th ed.). Cengage.
 4. *An Application to Actuarial Science, Risk Management and Financial Mathematics Curriculum*. (2017). USIM Press.
 5. Al-Quran. 17:36.
 6. Al-Sōwī, Ahmad bin Muhammad. 2009. *Hāshiah Al-Sōwī*. Lubnan: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
 7. Carlberg, C. (2018). *Predictive analytics: Microsoft Excel* (2nd ed.). Indianapolis, Indiana: Que.
 8. McCarthy, R., McCarthy, M., Ceccucci, W., & Halawi, L. (2019). *Applying Predictive Analytics*. Cham: Springer International Publishing
-

SCO1213 KIMIA ORGANIK SAINS HAYAT

Kursus ini di reka bentuk untuk memperolehi pengetahuan, pemikiran kritis dalam penyelesaian masalah, kemahiran praktikal dan kemahiran komunikasi yang diperlukan di dalam bidang kimia organik sains hayat.

Rujukan:

1. Bruice, P.Y. (2016) *Essential Organic Chemistry* (3rd Ed.). NJ: Pearson Education Inc.
 2. Timberlake, K.C. (2015) *Chemistry: An Introduction to General, Organic, and Biological Chemistry*. 12th Edition. Pearson.
 3. Smith, J. G. (2017) *Organic Chemistry with Biological Topics*. McGraw-Hill Education.
-

SBP1023 KIMIA MAKANAN

Kursus ini bertujuan untuk menyediakan para pelajar dengan ilmu berkaitan komposisi makanan termasuk komposisi major dan minor seperti air, protein, lemak, karbohidrat, vitamin dan mineral, serta perubahan yang berlaku terhadap komposisi makanan semasa pemprosesan dan penyimpanan. Pelajar turut didedahkan kepada beberapa peralatan asas yang diguna pakai di dalam industri makanan seperti penganalisis kelembapan (moisture analyzer) dan UV-Vis Spektrometer.

Rujukan:

1. Fennema, O.R. (1985). Food Chemistry. 2nd Ed. New York: Marcel Dekker, Inc.
2. Whitehurst, R.J & Law, B.A. (2002). Enzymes in Food Technology, Sheffield Academic Press, UK
3. Williams, M. (2015). Foods: Experimental Perspectives. 8th Edition. Prentice Hall.
4. Varelis, P., Melton, L. and Shahidi, F. 2019. Encyclopedia of Food Chemistry. United States: Elsevier Science Publishing Co Inc.
5. Al-Quran. At-Tin 95:1; 'Abasa: 27-32
6. Al-Tirmizī, Muhammad bin Isa. (2015). Al-Shamāil Al-Muhammadiyah. Mekah: Dar Al-Yusr.
7. As-Sayyid, A.B.M., Raden Anwar, H. & Usop, M.P. (2009). Cara Makan Rasulullah (SAW): Makanan Sihat dan Berkualiti. 1st Edition. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication
8. Nauman Khalid, Asif Ahmad, Sumera Khalid, Anwaar Ahmed & Muhammad Irfan (2014) Mineral Composition and Health Functionality of Zamzam Water: A Review, International Journal of Food Properties, 17:3, 661-677, DOI: 10.1080/10942912.2012.660721

SBS1022 FISILOGI TUMBUHAN DAN HAIWAN

Kursus ini dirancang untuk memberi pemahaman mengenai pertumbuhan dan perkembangan haiwan dan tumbuhan yang penting dalam bidang pertanian dan bioteknologi. Kajian ini melibatkan proses asas pembiakan dalam sistem biologi haiwan dan tumbuhan untuk memberi bekalan mampan dalam menjamin keselamatan rangkaian pengeluaran makanan. Pengetahuan pertumbuhan haiwan dan tanaman diterapkan untuk memanipulasi gen dan peraturan enzim yang terlibat dalam pengembangan haiwan dan tanaman untuk diaplikasikan dalam sektor penternakan dan tanaman yang lestari. Dalam kursus ini pelajar akan dapat menunjukkan kaedah pembiakan haiwan dan tumbuhan dalam pertanian dan bioteknologi yang mematuhi keselamatan makanan, etika dan profesionalisme. Kandungan kursus ini merangkumi prinsip asas pengembangan dan pembiakan pertumbuhan haiwan dan tumbuhan untuk aplikasi dalam industri pertanian dan bioteknologi.

Rujukan:

1. Randy Moore, W. Dennis Clark & Kingsley R. Stern. 1995. Botany. Wm. C. Brown Publishers.
2. James D. Watson, Tania A. Baker, Stephen P. Bell, Alexander Gann, Michael Levine & Richard Losick. 2004. Molecular Biology of the Gene.
3. Helgi Opik & Stephen Rolfe. 2005. The physiology of Flowering Plants. 4th Edition. Cambridge University Press.
4. Muhammad Widus Sempo & Nazariyah Yahaya. 2021. Dunia Flora Dalam Al-Quran (Kajian Integrasi Tafsir Tematik Al-Quran dan Sains Tumbuhan). Penerbit USIM
5. Muhammad Widus Sempo. 2019. 27 Haiwan Istimewa dalam Al-Quran (Tinjauan Tafsir Tematik dan Sociolinguistik). Penerbit USIM
6. Mohd Mahyyeddin Mohd Salleh & Mohamad Najib Jaffar. 2019. Halal Haram Haiwan Menurut Islam dan Fatwa di Malaysia. Penerbit USIM.
7. Al-Quran, Al-Baqarah 2: 71, 61, Al-An'am 5: 99, Ibrahim 14: 26 An-Nahl 16: 67, Saba 34- 16, Al-Zumar 39: 21, An-Najm 53: 6, Abasa 80: 31-32, Al-Naba 78: 32, etc..
8. Al-Quran, Al-Araaf 7: 176, An-Nahl 16: 68-69, Al-Hajj 22: 73, , An-Naml 27: 18-19, Al-Ankabut 29: 41, Al-Jumuah 62: 5, etc...
9. Hadiths Nabawi, HR. Bukhari no. 5528 dan Muslim no. 1940, HR. Bukhari no. 4219 dan Muslim no 1941, HR. Bukhari no. 5530 dan Muslim no. 1932 etc.

SBS2043 BIOKIMIA

Biokimia adalah cabang sains hayat yang berkaitan dengan kajian tindak balas kimia yang berlaku pada sel dan organisma hidup. Kursus ini adalah pemahaman yang lengkap mengenai semua proses kimia yang berkaitan dengan sel hidup pada tahap molekul. Biokimia berkaitan dengan hampir semua sains kehidupan dan tanpa latar belakang dan pengetahuan biokimia, pemahaman menyeluruh mengenai kesihatan / kesejahteraan, peningkatan tanaman /penghasilan makanan tidak mungkin dilakukan.

Rujukan:

1. McKee, T. and McKee, J. (2016). *Biochemistry: The Molecular basis of Life* (3rd Edition). Oxford University Press.
2. Bruice, P. Y. (2015). *Essential Organic Chemistry*. Pearson International Edition.
3. David L. Nelson & Michael M. Cox (2017). *Lehninger Principles of Biochemistry: International Edition*.
4. Mary K. Campbell & Shawn O. Farrell (2015). *Biochemistry* (8th Edition). Brooks/Cole Cengage Learning.
5. 'Azeez Al- Zindani A.M (2009). "Al-Khadir" The holy Quran on Chloroplasts. *Quran and Science*. Retrieved from: <https://www.quranandscience.com/featured-articles/340-al-khadir-the-holy-quran-on-chloroplasts>.
6. Sari, Dewi & Muna, Anjanisa & Susilayati, Muslimah. (2019). Integration of Islamic religious Education and Natural Science on Photosynthesis Experiments. *International Journal of Students' Research in Technology & Management*. 7. 17-22. 10.18510/ijstrtm.2019.714.
7. Surah At-Takwir (81). Verses 15-19. Holy Al-Quran.
8. Surah Al- Anam. Verses 99. Holy Al-Quran
9. Charlotte W. Pratt & Kathleen Cornely. (2017) *Essential Biochemistry* (4th Edition). Wiley.

SBS2053 MIKROBIOLOGI

Mikrobiologi adalah kursus pengenalan kepada fisiologi, genetik, biokimia, dan diversiti mikroorganisma. Pendekatan kursus ini merangkumi dua aspek iaitu (i) fundamental sains biologi yang menghuraikan proses biomolekul dan biokimia sel bakteria dan virus, serta (ii) sains gunaan yang mengkaji peranan mikroorganisma dalam penyakit manusia, ekosistem, dan proses industri. Topik kursus mencakupi struktur dan anatomi sel bakteria, virus, dan kulat, pertumbuhan dan diversiti mikrob, genetik asas bagi pertumbuhan dan perkembangan mikrob, patogen yang menyebabkan penyakit pada haiwan dan tumbuhan, mikrobiologi klinikal, aplikasi mikrob dalam bioteknologi, dan mikroorganisma yang bertindak balas dengan persekitaran. Amali makmal akan memberi pendedahan kepada pengkulturan dan pencirian bakteria, di samping latihan secara praktikal beberapa prinsip dan teori yang dibincangkan di dalam kuliah. Lima eksperimen yang dirancang meliputi teknik mikroskop, aseptis, pewarnaan dan pemerhatian bakteria, pengkulturan mikroorganisma, menguji aktiviti biokimia, pengasingan dan pertumbuhan bakteria dalam media selektif dan juga kawalan pertumbuhan mikrob oleh ejen kimia.

Rujukan:

1. Black, J. G & Black, L. J. 2017. *Microbiology: Principles and Explorations*. 10th Edition. USA: John Wiley & Sons, Inc.
2. Willey, J. M., Sandman, K. M. & Wood, D. H. 2020. *Prescott's Microbiology*. 11th Edition. New York: McGraw-Hill Education.
3. Cappuccino, J. & Sherman, N. 2013. *Microbiology: A Laboratory Manual*. 10th Edition. Singapore: Benjamin Cummings.
4. Tortura, G. J., Funke, B. R. & Case, C. L. 2014. *Microbiology: An Introduction*. 11th Edition. Singapore : Pearson Benjamin Cummings.
5. Madigan, M.T., Martinko, J.M., Bender, K.S., Buckley, D.H., Stahl, D.A. & Brock, t. 2014. *Brock Biology of Microorganisms*. 14th Edition. Malaysia: Pearson Education, Pte. Ltd.
6. Johnson, T.R. & Case, C.L. 2012. *Laboratory Experiments in Microbiology*. 10th Edition. Singapore: Benjamin Cummings.
7. Willey, J., Sherwood, L. & Woolverton, C. 2010. *Prescott's Microbiology*. 8th Edition. Singapore: McGraw Hill.

SBP2063 ANALISIS SENSORI MAKANAN

Kursus ini memberi pelajar konsep asas ujian deria dalam aplikasi makanan. Ia bermula dengan memperkenalkan pelajar dengan latar belakang sejarah analisis deria moden dan kepentingannya dalam aplikasi industri makanan. Seterusnya, kursus ini juga menjelaskan bagaimana deria manusia menilai rasa asas, dan menilai makanan menggunakan deria manusia termasuk penglihatan, bau, rasa, sentuhan, dan pendengaran. Pelajar juga akan dijelaskan untuk melakukan ujian deria dan mengukur respon yang tepat. Konsep asas dan prinsip reka bentuk eksperimen seperti ujian diskriminatif, ujian deskriptif, dan ujian afektif untuk tujuan menilai perbezaan produk makanan, ciri-ciri makanan, serta

kesukaan dan penerimaan pengguna terhadap makanan akan dilakukan semasa kelas amali dengan menggunakan kedua-dua teknik analisis statistik tradisional dan pengkomputeran. Banyak konsep dan eksperimen dalam kursus ini penting untuk diterapkan dalam pengembangan dan penghasilan produk makanan yang berkualiti kerana penerimaan dan pemilihan makanan sangat bergantung pada respon deria manusia.

Rujukan:

1. . Al-Quran & Hadith:
 - Al-Quran: Quranic verses related to Basic Tastes (25:53, 27:61, 35:12, 55:19), Quranic verses related to Smell, Taste, and Appearance of Fruits (13:4), Quranic verses related to Keep the Tongue in Islam (16:116, 24:24), and Quranic verses related to use Tongue to Praise Allah (32:15, 73:8, 76:25, 87:15)
 - Hadith: Hadith related to Keep the Tongue in Islam (Hadith An-Nawawi 40 (29), Hadith Riyadh As-Salihin 1438, Hadith Sunan Ibn Majah 3793), Hadith related to Baby's First Taste during Tahnik (Hadith Sahih Al-Bukhari 5467 & 5469 & 5470 & 5824)
2. Heymann, H. & Lawless, H.T. (2010). *Sensory Evaluation of Food: Principles and Practices*. 2nd Edition. Springer Science. ISBN-13: 978-1441964878
3. Meilgaard, M., Civille, G.V. & Carr, B.T. (2016). *Sensory Evaluation Techniques*. 5th Edition. CRC Press. ISBN-13: 978-1482216905
4. Stone, H. Bleibaum, R.N. & Thomas, H.A. (2012). *Sensory Evaluation Practices*. 4th Edition. Elsevier Inc. ISBN-13: 978-0123820860

SKJ3192 TEKNOLOGI DIGITAL

Teknologi digital merupakan penyumbang utama dalam bisnes di semua industri. Matlamat kursus ini adalah untuk meningkatkan literasi teknikal di kalangan pelajar dan menyampaikan kepada mereka gambaran keseluruhan konsep asas, topik-topik utama dan masalah teknologi digital dan bagaimana untuk mengaitkannya kepada seting bisnes dan seterusnya mempersiapkan mereka untuk membuat keputusan yang terbaik mengenai aplikasi teknologi walaupun mereka bukan ahli teknologi.

Rujukan:

1. Al-Quran, Al-Alaq 96:4.
2. Amana Raquib. (2015). *Islamic Ethics of Technology: An Objectives' (Maqasid) Approach*. Kuala Lumpur : The Other Press Sdn Bhd.
3. Abdus Sattar Abbasi & Razaq Raj. (2020). *Principles of Islamic Ethics for Contemporary Workplaces*. Hershey, Pennsylvania: IGI Global Publisher.
4. Campbell, J. T., Ciampa, M. D., Clemens, B., Freund, S. M., Frydenberg, M., Hooper, R., & Ruffolo, L. (2019). *Technology for success: Computer concepts*. Boston, MA: Cengage.
5. Mohammad Hashim Kamali, Shiraz Khan & Anas Al Shaikh-Ali. (2008). *Maqasid Al-Shariah Made Simple*. London: International Institute of Islamic Thought.

SBS2073 GENETIK MOLEKUL

Kursus ini akan memberikan pengenalan kepada genetik dan biologi molekul. Ia akan menekankan tentang corak pewarisan Mendelian dan yang berkaitan, struktur dan fungsi kromosom, genetic populasi, mekanisme molekul dalam replikasi DNA, transkripsi, dan pengawalan gen bagi prokariot dan eukariot. Kursus ini memperlengkapkan pelajar dengan pengetahuan asas permulaan proses molekul dan fenomena genetik dalam sel prokariot dan eukariot. Pendekatan yang diambil dalam kursus ini adalah untuk menerangkan sistem yang mesti dirujuk secara berterusan bagi memahami fenomena molekul. Topik-topik bagi subjek termasuk ciri asid nukleik, replikasi DNA, biologi molekul bagi pengekspresan gen dan pengawalannya dalam prokariot dan eukariot, transkripsi dan pemprosesan RNA ('splicing'), mekanisme pengawalan transkripsi dan postranskripsi, struktur protein dan kawalan translasi. latihan makmal telah direka bentuk untuk melengkapkan dan mengukuhkan lagi prinsip-prinsip teori yang dibincangkan dalam kuliah berkenaan genetik klasik yang merangkumi genetik *Drosophila*, genetik manusia dan genetik populasi.

Rujukan:

1. Brooker, R. J. (2020). Genetics: analysis & principles. McGraw-Hill Education .
2. Klug, W. S., Cummings, M. R., Spencer, C. A., Palladino, M. A., & Killian, D. (2019). Concepts of genetics. Pearson Education Limited.
3. Gromley, Z., & Gromley, A. (2019). Biochemistry, Cell and Molecular Biology, and Genetics: An Integrated Textbook. Thieme.
4. Snustad, D. P., & Simmons, M. J. (2015). Principles of genetics. John Wiley & Sons.
5. Thomas, A. (2014). Introducing genetics: from Mendel to molecules. Garland Science.
6. Watson, J.D., T.A. Baker, S.P. Bell, A. Gann, M. Levine & R. Losick. (2014). Molecular Biology of the Gene. Pearson CHS Press.
7. Weaver, R. F. & Wassarman, D. A. (2016). Molecular Biology. 6th Edition. McGraw-Hill Education
8. Russell, P J. (2013). iGenetics: A Molecular Approach. 3rd edition. Benjamin/Cummings Publishing.

SBP2064 KIMIA ANALISIS DAN INSTRUMENTASI MAKANAN

Produk makanan di analisa atas beberapa sebab seperti kepatuhan pada undang-undang dan keperluan pelabelan, menilai kualiti produk, menentukan nilai nutrisi, mengesan pengubahsuaian, kajian dan pembangunan. Kursus ini merangkumi prinsip asas prosedur analitik dan teknik yang biasa digunakan untuk memberi maklumat mengenai komposisi kimia, struktur dan ciri-ciri fizikal di dalam bahan makanan.

Rujukan:

1. Christian, G.D. (2005). Analytical Chemistry (6th Edition). John Wiley and Sons Inc.: USA.
2. Cruz, M.S.R., Khmeliuskii, I & Vieira, M. (2014). Methods in Food Analysis. CRC Press, Boca Raton.
3. Higson, S.P.J. (2005). Analytical Chemistry. Oxford University Press Inc.: USA.
4. Harris, D.C. (2001). Exploring Chemical Analysis (2nd Edition). W.H Freeman and Co.: USA.
5. Jose, L. T.(2019). Analysis of Pesticides in Food and Environmental Samples.Second Edition. CRC Press
6. Matteo, B, Leo, M.L. N. (2019).Food Aroma Evolution: During Food Processing, Cooking, and Aging (Food Analysis & Properties). First Edition. CRC Press
7. Nielsen, S.S. (2017). Food Analysis. Fifth Edition. Jones & Bartlett Publ. Inc., London.
8. Nielsen. S.S. (2010). Food Analysis Laboratory Manual. Fourth Edition. Kluwer Academic/ Publisher
9. Pico, Y. (2012). Chemical Analysis of Food: Techniques and Application. Academic Press, Amsterdam.
10. Pomeranz, Y. & Meloan, C.E. (1987). Food Analysis: Theory and Practice. 2nd Ed. AVI Publ., N.Y
11. Skoog, D.A., D.M. West, F.J. Holler & S.R. Crouch. (2005). Fundamentals of Analytical Chemistry (8th Edition). Thomson Learning Inc.: USA.
12. Skoog, D.A. & Leary, J.J. (2007). Principles of Instrumental Analysis. 6th ed. Sanders College Publ., Orlando, Florida.

SBP2043 PENGHASILAN MAKANAN HALAL

Kursus ini menjelaskan pengeluaran hulu dan hilir makanan, perkilangan dan bagaimana Halal, Haram dan Syubhah berkait produk dan perkhidmatan makanan, sama-sama memberikan kesan kepada pengeluar dan pengguna di dalam rantai makanan, serta rantai nilai produk. Isu semasa cemarkan, dan ketidakpatuhan status Halal dalam makanan, yang disengajakan, penipuan, atau insiden tidak sengaja akibat kecuai, sabotaj dan silang - pencemarkan dalam rantai makanan akan dibincangkan. Penyelesaian halal, bahan makanan dan aditif, kaedah analisis saintifik akan dijelaskan. Maklumat terkini mengenai peluang dan cabaran di pasaran Makanan Halal juga akan diuraikan. Pelajar akan memahami konsep Halal dan Haram dalam Makanan dan hubungannya dengan sains dan teknologi, serta peluang dan cabaran kepada pengguna, pengeluar, penyedia perkhidmatan dan badan pengawalseliaan serta agensi Badan Persijilan Halal, yang mempengaruhi syarikat pengeluaran makanan moden dan pengendali makanan.

Rujukan:

1. Rahman, L. 2001. Halal Products: Consumerism, Technology and Procedures. Islamic Department of Melaka.
2. A. Rahman, L. 1999. Halal dan Kepenggunaan. Jabatan Agama Islam Melaka + Majlis Agama Islam Melaka
3. A. Rahman, L. 2002. Penyembelihan Halal: Hukum, Teknik & Bakteria. Jabatan Agama Islam Melaka + Majlis Agama Islam Melaka
4. Al-Qardawi, Y. & Daud, M. H. (2016). Halal dan Haram dalam Islam. Kuala Lumpur: PTS Publishing House. (ISBN: 978-967-411-644-6).
5. Al-Ramlī, Ahmad bin Hamzah. 2004. Fatāwa Al-Ramlī. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah
6. Jais, A. S. (2017). Halal Assurance System for Foodservice Organization and Food Manufacturer (2nd ed.). Malaysia: Koperasi Politeknik Merlimau Melaka. (ISBN: 978-967-0189-85-7).
7. Jais, A. S. (2017). Internal Halal Auditing For Foodservice and Food-Based Manufacturing. Malaysia: Koperasi Politeknik Merlimau Melaka. (ISBN: 978-967-0189-83-3).
8. Malaysia, Department of Standard Malaysian. (2019). Malaysian Standard MS1500:2019 Halal Food – General Requirements (Third Revision). Selangor Darul Ehsan: Department of Standards.
9. Man, S. & Yahya, Z. A. (2014). Halalkah Makanan Kita? Bagaimana Mencarinya di Pasaran. Kuala Lumpur: PTS Islamika Sdn. Bhd.(ISBN: 978-967-366-134-3).
10. Qardawi. 1978. Halal dan Haram Dalam Pandangan Islam. PT Bina Ilmu, Surabaya, Jakarta
11. Rahman, Ab. S. & Abd, J. (2013). Pengurusan produk halal di malaysia. Selangor Darul Ehsan: UPM Press. (ISBN: 9789673442652).
12. Riaz, M N., Chaudry, M M 2003. Halal Food Production. 1st Edition. CRC.Press.
13. Trade Descriptions Act (Certification and Marking of Halal). (2011). Under Section 29, The Commissioner of Law Revision Malaysia & Percetakan Nasional Bhd.
14. Trade Descriptions Act (Definition of Halal). (2011). Under Section 28, The Commissioner of Law Revision Malaysia & Percetakan Nasional Bhd.
15. Wan Mohamed Radzi. 2000. Konsep Kesihatan melalui Pemakanan: Pendekatan Islam dan Sains. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
16. Zainal Abidin. 2007. Quran Saintifik: Meneroka Kecemerlangan Quran daripada Teropong Sains. PTS Milenia Sdn Bhd

SBS3073 BIOINFORMATIK

Bioinformatik merupakan bidang antara-disiplin melibatkan aplikasi sains komputer dan teknologi maklumat untuk membantu dalam memahami proses biologi. Pelajar akan didedahkan kepada konsep asas bioinformatik dan analisis pengkomputeran lazim, terutamanya bagi aplikasi dalam bidang bioteknologi makanan. Tajuk-tajuk kursus merangkumi pangkalan data biologi, penjajaran jujukan, filogeni, struktur protein, penjujukan moden, foodomik dan pengaturcaraan untuk ahli biologi. Kursus ini disampaikan dengan menjelaskan konsep asas (teori), di samping aplikasi sebenar dalam industri makanan. Tutorial yang dirancang akan mengukuhkan pengajaran dan membolehkan pelajar untuk menerapkan analisis pengkomputeran dalam pengesanan patogen makanan dan alergen makanan dengan menggunakan gabungan alatan bioinformatik yang terkini.

Rujukan:

1. Ramsden, J. (2021). Bioinformatics: An Introduction. Springer International Publishing. ISBN 978-3-030-45606-1.
2. Baxevanis, A.D., Bader, G.D. & Wishart, D.S. (2020). Bioinformatics: A Practical Guide to the Analysis of Genes and Proteins 4th Edition. ISBN-10: 1119335582.
3. Arthur M.L. (2019). Introduction to Genomics. Oxford University Press. 432 pp. ISBN 0198794142.
4. Pevsner, J. (2015). Bioinformatics and Functional Genomics. Wiley-Blackwell. John Wiley & Sons Inc. 1168 pp. ISBN 9781118581780.
5. Watson, J.D., Baker, T.A, Bell, S.P., Gann, A., Levine, M. & Losick, R. (2013). Molecular Biology of the Gene, 7th edition. Pearson. 872 pp. ISBN 9780321762436.
6. Model, M.L. (2010). Bioinformatics Programming Using Python. O'Reilly Media, Inc, USA. 522 pp. ISBN 9780596154509.
7. Kahl, G & Meksem, K. (2008). The Handbook of Plant Functional Genomics: Concepts and Protocols. Wiley-VCH. 576 pp. ISBN 9783527318858.

8. Krane, D.E. & Raymer, M.L. (2003). *Fundamental Concepts of Bioinformatics*. Pearson Benjamin/Cummings. 320 pp. ISBN 978-0805346336.
9. Hunt, S.P. & Livesey, R. (2000). *Functional Genomics: A Practical Approach*. Oxford University Press. 272 pp. ISBN 0199637741.

SBP3093 MIKROBIOLOGI MAKANAN

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman di kalangan para pelajar tentang pelbagai jenis mikroorganisma yang berkait dengan produk makanan, serta merangkumi kesan baik dan buruk mikroorganisma tersebut terhadap produk makanan. Tajuk ini memberikan kajian mendalam terhadap ejen yang menyebabkan penyakit-berkaitan-makanan, cara-cara mengesan dan mengenali ejen-ejen (mikroorganisma). Pemahaman mengenai sifat-sifat semulajadi dan cara penyebaran akan membantu untuk memperbaiki prosedur pengendalian makanan serta mengelakkan jangkitan dalam masyarakat.

Rujukan:

1. *Fundamental Food Microbiology*, Fifth Edition. Bibek Ray and Arun Bhunia. CRC Press. 2014.
2. *Food Microbiology*, Garrett Cooper, Library Press, NY, USA 2018.
3. *Food Microbiology*. Fourth Edition. Martin R. Adams, Maurice O. Moss and Peter J. McClure. Published by The Royal Society of Chemistry, Thomas Graham House, Science Park, Milton Road, Cambridge CB4 0WF, UK, 2016.
4. *Food Microbiology Laboratory for the Food Science Student: A Practical Approach*. Cangliang Shen and Yifan Zhang, Springer, USA, 2017
5. *Food Microbiology: Fundamental and Frontiers*, Michael P. Doyle and Robert L. Buchanan, ASM Press, DC, USA 2013.
6. *Food Microbiology: A Laboratory Manual*, The Ohio State University. A John Wiley-Interscience Publication. 2003.

SBT3033 PEMBUNGKUSAN MAKANAN

Prinsip asas pembungkusan makanan akan dibincangkan di dalam kursus ini. Di antara topik yang akan dibincangkan ialah fungsi dan aras pembungkus makanan, jenis and sifat material pembungkus makanan serta keselamatan dan isu persekitaran pembungkusan makanan. Pelajar juga didedahkan kepada evolusi dan inovasi dalam sistem pembungkusan makanan untuk memenuhi keperluan pasaran. Pembangunan, trend yang terkini dan isu semasa berkaitan pembungkusan makanan juga akan ditekankan dalam kursus ini.

Rujukan:

1. Coles, R., McDowell, D and Kirwan, M.J. (2009) *Food Packaging Technology*. USA: Wiley Blackwell
2. Arvanitoyannis, I.S. 2012. *Modified Atmosphere and Active Packaging Technologies*. Boca Raton: CRC Press.
3. David, J.R.D., Graves, R.H. and Szemplenski, T. 2013. *Handbook of Aseptic Processing and Packaging*. Boca Raton: CRC Press.
4. Han, J.H. 2014. *Innovations in Food Packaging*. Amsterdam: Elsevier Academic Press.
5. Robertson, G.L. 2013. *Food Packaging: Principles and Practice*. Boca Raton: CRC Press.
6. Yam, K.L and Lee, D.S. 2016. *Emerging Food Packaging Technologies: Principles and Practice*. United Kingdom: Elsevier Science and Technology

SBS3123 KEJURUTERAAN GENETIK

Kursus ini merangkumi teknik-teknik penting yang digunakan dalam pengklonan dan kejuruteraan genetik. Perkara yang diuraikan termasuk manipulasi molekul DNA untuk penyusunan semula atau pemodelan semula maklumat. Topik-topik lain yang terangkum termasuk penggunaan enzim penyekat, amplifikasi jujukan DNA menggunakan Tindakbalas Berantai Polimerase (PCR), pengenalanpastian DNA dan RNA melalui penghibridan (pemblokan Southern dan Northern), dan penjujukan DNA. Kursus ini juga direkabentuk untuk memperkenalkan pelajar kepada beberapa teknik asas dalam pemindahan gen ke dalam sel haiwan, pemindahan gen kepada tumbuhan dan penggunaan teknologi DNA

rekombinan. Amali makmal akan mengukuhkan pengajaran dan memberi pemahaman secara amali berkenaan beberapa teknik yang digunakan dalam makmal biologi molekul dan kejuruteraan genetik.

Rujukan:

1. Gibson, W. & Koch, C. (2019). *Biotechnology and Genetic Engineering*. Scientific e-Resources
2. Kurnaz, I. A. (2021). *Techniques in Genetic Engineering*. Taylor & Francis Limited.
3. Setlow, J. K. (Ed.). (2012). *Genetic engineering: principles and methods* (Vol. 13). Springer Science & Business Media.
4. Rastogi, S. & Pathak, N. (2011). *Genetic Engineering*. Oxford University Press.

SBT3043 TEKNOLOGI PEMROSESAN DAN PENGAWETAN MAKANAN

Makanan memerlukan beberapa pengubahsuaian seperti pengurangan ukuran, peningkatan rasa dan rawatan panas sebelum ia sesuai untuk dimakan. Kursus ini mempertimbangkan operasi yang terlibat untuk menukar bahan makanan mentah menjadi bentuk olahannya yang sesuai untuk kegunaan manusia dan pemeliharaan yang selamat. Beberapa proses termasuk pengetinan, pengeringan, pembekuan, pengawetan dan perkembangan terkini dalam setiap teknik akan dibincangkan. Komoditi ikan, daging, buah-buahan dan sayur-sayuran terpilih akan diproses semasa sesi makmal. Teknik semasa teknologi pemprosesan makanan akan dibincangkan. Pendaftaran dan penglibatan dalam kursus ini akan memberi gambaran kepada pelajar mengenai pengurusan pemprosesan dan pemeliharaan makanan bersesuaian dengan perspektif Islam (iNAQ).

Rujukan:

1. Al-Quran & Hadith
 - Quranic verses related to Food Processing (5: 3, 10:59, 5:87-88, 16: 114-115, 31:20, 36:80).
 - Hadith Sahih Muslim 4975, Hadith 40 (17).
2. Hui, Y.H. and Smith, J. S. (2013). *Food Processing: Principles and Application*. Blackwell Publishing professional.
3. Brennan, J.G. (2012). *Food Processing Handbook*. Wiley-VCH.
4. Jairus, R.D., Carlson, R. and Graves, R.H. (2016). *Handbook of Aseptic Processing and Packaging*, Second Edition.
5. Saad, N.A., and Ramli, M.A. (2020). Issue of Halalan Toyyiba in Food Supply Chain among Food Handlers. *Journal of Contemporary Islamic Studies*.
6. Saad, N.A., and Ramli, M.A. 6. (2018). *Amalan Pengendalian Makanan Halalan Tayyiban*. Seminar Serantau Peradaban Islam 2018. Institut Islam Hadhari, UKM.

SBS4983 PROJEK TAHUN AKHIR I

Kursus ini adalah kerja penyelidikan yang berlangsung selama dua semester dan berakhir dengan pembuatan laporan projek tahun akhir. Modul projek tahun akhir bertujuan untuk membangkitkan semangat pelajar dalam penyelidikan disertasi berdasarkan penyelidikan. Semua projek akan merangkumi pengembangan kemahiran penyelidikan, analisis dan perbincangan hasil serta kemahiran dalam menyusun laporan bertulis di mana hasil kajian ini akan dinilai. Setiap pelajar tahun akhir dikehendaki menjalankan projek penyelidikan di bawah pengawasan pensyarah. Sebelum memulakan projek, pelajar mesti mengemukakan cadangan penyelidikan dalam seminar yang akan dijalankan oleh penyelar. Pembentangan seminar adalah untuk menilai kemampuan pelajar dalam menyampaikan konsep dan data saintifik yang kompleks, dengan jelas dan ringkas kepada khalayak tertentu. Hasil penemuan / penyelidikan kemudian akan disampaikan kepada fakulti dalam bentuk tesis untuk memenuhi syarat keperluan untuk mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan) dan untuk tujuan penilaian.

Rujukan:

1. Salkind, Neil J. (2016). *Exploring Research*. 9th Edition. Pearson Higher Ed USA.
2. n.a. (2009). *USIM's Handbook on Academic Writing*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
3. O'Leary, Z. (2017). *The Essential Guide to Doing Your Research Project*. 3rd Edition. SAGE Publications, Inc.

4. Marder, M. P. (2011). *Research Methods for Science*. Cambridge University Press.
5. Miller, J. & Deutsch, J. (2011). *Food Studies: An Introduction to Research Methods*. Berg Publishers.
6. Singh, R. (2011). *Research Methodology: A Step-by-Step Guide for Beginners*. 3rd Edition. SAGE Publications, Inc.
7. Clark, I.L. (2006). *Writing the Successful Thesis and Dissertation: Entering the Conversation*. Canada: Prentice Hall PTR.
8. Murray, R. (2011). *How to Write a Thesis* (3rd Ed.). USA: Open University Press.
9. Allan, A., Glatthorn, E.D., Randy, L. & Joyner, E.D. (2005). *Writing the Winning Thesis or Dissertation: A Step-by-Step Guide*. 2nd Edition. Corwin Press.
10. Holmes, D., P. Moody & D. Dine. (2016). *Research Methods for the Bioscience*. 3rd Edition Oxford University Press.
11. Leedy, P.D. & J.E. Ormrod. (2013). *Practical Research: Planning and Design*. 10th Edition. Upper-Saddle River, NJ: Prentice Hall.
12. Alvesson, M. & Skoldberg, K. (2017). *Reflexive Methodology* (3rd ed). SAGE Publication, Inc.

SBT3013 PEMBANGUNAN PRODUK MAKANAN

Pembangunan produk adalah bidang perusahaan yang luas berkaitan dengan reka bentuk, pembuatan, dan pemasaran produk baru. Kursus ini akan menjadi panduan penting untuk pembangunan produk dalam industri makanan yang berkaitan dengan beberapa masalah utama. Ia bermula dengan mengenal pasti peluang yang tepat pada waktu yang tepat. Ini diteruskan dengan pengembangan produk unggulan yang berpotensi untuk dipasarkan dengan gabungan keunggulan ilmu kuliner dan pembuatan, termasuk projek kerja sama. Penglibatan dalam kursus ini akan memberi gambaran kepada pelajar mengenai pengurusan proses pembangunan produk berlandaskan integriti Islam.

Rujukan:

1. Al-Quran & Hadith
 - Quranic verses related to Muamalat Ethics (2:279, 3:130, 4:29, 4:58), Food Production and Innovation (2:172-173, 5:3-4, 5:88, 6:119, 16:114)
 - Hadith Sahih Muslim 154, Hadith Sahih Muslim 1605a
 - Al-Bājūrī, Ibrāhīm bin Muḥammad. (2015). *Al-Mawāhib Al-Laduniyyah* °Ala Al-Shamāil Al-Muḥammadiyyah. Mekah: Dar Al-Yusr.
2. Kotler, P., & Armstrong, G. (2020). *Principles of Marketing*, 18th edition. Global Edition
3. Mohd Dali, N.R.S. (2018). *Pengurusan Harta & Keusahawanan Islam*. USIM Press.
4. Gürbüz, E. (2018). *Theory of New Product Development and Its Applications*. Intech Open.
5. Mohd Dali, N.R.S. (2015). *Muamalat: The Integration of Aqli and Naqli*. Wisdom Publication

SBP3042 KESELAMATAN DAN PERUNDANGAN MAKANAN

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman para pelajar tentang garis panduan yang telah ditetapkan di bawah akta dan peraturan makanan demi keselamatan masyarakat secara amnya. Keselamatan makanan adalah satu disiplin sains yang menjelaskan langkah-langkah penyediaan dan penyimpanan makanan bagi mengelakkan keracunan makanan. Kursus ini merangkumi tajuk-tajuk berkaitan dengan penyebab-penyebab pencemaran makanan, demi memastikan makanan selamat dimakan melalui cara pengendalian yang betul serta mengikuti garis panduan yang ditetapkan oleh HACCP dan GMP, peraturan kebersihan makanan dan undang-undang keselamatan makanan lain yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pemahaman mengenai perkara ini akan menambah baik prosedur pengendalian makanan untuk memastikan makanan selamat dimakan.

Rujukan:

